



جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا
ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MALAYSIA

SEMINAR KEBATINAN SERANTAU

WAHDAT AL-WUJUD
DAN PENYERAPANNYA DENGAN
CARA BATINIYAH

oleh:
Y. Bhg. Prof. Dr. Abdul Fattah
Haron Ibrahim
(UKM)

Anjuran :
Kolej Universiti Islam Malaysia
(KUIM)

Dengan Kerjasama:
Yayasan Taqwa Wilayah
Persekutuan Bhd.

Pada:
15-16 September 2000



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Wahdat al-Wujud
 Dan Penyerapannya
 Dengan Cara Batiniyah

oleh Abdulfatah Haron Ibrahim

Ringkasan

Ibn ‘Arabi menciplak *wahdat al-wujudnya* daripada teori *hulul* al-Hallaj, konsep *jauhr* Asy’ariyah dan *Neoplatonism*. Emanasi *Neoplatonism* ada persamaan dengan teori *tajalli* Martabat Tujuh. Emanasi atau *tajalli* ini membawa kepada i’tiqad alam ini qadim bersama Allah sebagai ‘illah dengan *ma’lul* sedangkan menurut Qur’an, alam semesta ini hadith. Penemuan sains terkini juga mengatakan alam semesta (*universe*) ini ada permulaan iaitu di sekitar 14 billion tahun yang lalu. Dalil atau alasan alam ini qadim kerana terjadi daripada *Nur Muhammad* atau *Haqiqat Muhammadiyah*, malah Nabi Muhammad itu sendiri adalah Allah berdasarkan hadith (palsu) berbunyi, “Aku Ahmad tanpa mim (jadi Ahad) dan aku ‘Arabi tanpa ‘ain (jadi Rabi), sesiapa melihat aku niscaya dia melihat al-Haqq (Tuhan)”. Sepuluh contoh ayat Qur’an dan lima hadith Nabi dijadikan sebagai dalil *wahdat al-wujud* oleh kaum sufi. Tetapi ahli-ahli tafsir dan hadith tidak mengatakan bahawa nas-nas ini menjadi dalil bagi *wahdat al-wujud*. Bagi ibn ‘Arabi pengasas *wahdat al-wujud* semua agama dalam dunia ini betul belaka kerana terjadi daripada *Haqiqat Muhammadiyah*.

Perbincangan kedua menyentuh beberapa peristiwa penting dalam sejarah gerakan Syi’ah Isma’iliyah Batiniyah. Batin itu isi dan zahir itu kulit, apabila mendapat isi, maka kulit tidak berguna lagi, adalah menjadi teras ajaran mereka yang memang terkeluar daripada Islam. Beberapa tokoh sufi ternama dikatakan bahawa mereka adalah orang Isma’iliyah.

Tokoh-tokoh ulama nusantara menyambut baik malah menyebarkan *wahdat al-wujud* / Martabat Tujuh, manakala yang menentang hanya ada satu dua orang sahaja. *Wahdat al-wujud* / Martabat Tujuh bukan dzauq sufi tetapi falsafah. Contoh ajaran *wahdat al-wujud* / Martabat Tujuh Siti Jenar, Saleek buta, dan Raden Nagbahi Ranggowarsito boleh didapati ada persamaannya dengan ajaran kebatinan di Malaysia. Kertas ini diakhiri dengan membawa tiga contoh ajaran kebatinan *wahdat al-wujud* / Martabat Tujuh yang diserapkan dengan cara Batiniyah di Malaysia.



Nama

Sejak dua tiga dekad kebelakangan ini lahir dalam masyarakat Islam (Melayu) di Malaysia ajaran yang dikenali dengan nama *Ilmu Isi, Ilmu Hakikat, Agama Taslim, Ilmu Ma'rifat, Tasawuf Tajall, Saufisma, Ajaran Sesat* dan lain-lain.

Isi ajaran

Isi ajaran ilmu ini mengandungi unsur tasawuf *wahdat al-wujud* yang disampaikan dengan cara Batiniyah. Penganut ajaran ini menyangka bahawa mereka ahli tasawuf. Mereka tidak sedar dan tidak tahu ada unsur-unsur Batiniyah dalam ajaran mereka. Tidak ada tanda-tanda mereka belajar ilmu tasawuf secara formal, dan tidak ada tanda-tanda mereka menganut aliran Syi'ah Isma'iliyah Batiniyah secara formal. Mereka termasuk dalam kategori orang-orang "jahil" yang digunakan oleh ejen-ejen anti Islam untuk merosakkan 'Aqidah Islam dari dalam Islam itu sendiri melalui ajaran *wahdat al-wujud* + Batiniyah.

Dari manakah ilmu ini diperolehi

Tasawuf *wahdat al-wujud* mula lahir di dunia Islam zaman silam dan Batiniyah adalah dari ajaran Syi'ah Isma'iliyah yang sejarahnya bermula dari Ali bin Abu Talib hingga Aga Khan ke III yang ada dalam zaman kita ini. Dalam sejarah yang panjang ini ada berlaku berbagai perubahan dan peristiwa. Maka ada tanda-tanda menunjukkan bahawa Ajaran Sesat tempatan ini ada hubungan secara langsung dengan mereka melalui ilmu-ilmu kebatinan yang ada di nusantara. Dalam salah satu manuskrip Ajaran Sesat itu berbunyi, " Hampir 12 tahun ... aku jelajah seluruh Pattani (Thailand), Sumatra, Jawa, Berunai, Singapura, Sulawesi, dengan satu tujuan untuk mencari dan menemui mereka yang mewarisi ilmu tasawuf."¹

Sumber ma'lumat

Sumber ma'lumat ajaran ini hanya diperolehi dariapda ratusan manuskrip penganutnya. Sebilangan kecil bercetak tetapi kebanyakannya bertulis tangan yang merupakan seperti nota yang direncanakan oleh guru kepada

¹ Ahmad Laksamana, *Hakikat Insan*,



tangan yang merupakan seperti nota yang direncanakan oleh guru kepada muridnya. Dari masa kesemasa tersiar berita mengenai bilangan kumpulan ini disekitar lima puluh kumpulan atau lebih.

Bilangan penganut

Bilangan penganutnya sukar diketehau dengan tepat kerana kebanyakan ajaran ini diajar secara tertutup.

Ancaman

Kewujudan mereka mengancam kesucian 'Aqidah dan Syari'ah Islam. Malah menghancurkan Islam dari akar umbinya kerana mereka, sebagaimana yang diketahui, Syi'ah Isma'iliyah yang tiada termasuk dalam golongan mazhab-mazhab yang sah dan boleh diterima dalam Islam. Tegasnya, mereka bukanlah Islam. Tasawuf *wahdat al-wujud* juga boleh menjurus ke arah yang sama.

Di antara sikap penganut ajaran ini:

1. Mencaci alim ulama' dan fuqaha' Islam. Kita tahu bahawa ulama' itu warisan anbia'. Dengan menolak ulama' bererti menolak kerasulan Nabi Besar Muhammad s.a.w. Memang ada dalam sejarah Islam hingga ke hari ini golongan yang mengatakan ajaran Nabi Muhammad itu hanya cocok untuk orang Arab dalam zamannya sahaja. Zaman kita ini tidak cocok lagi dengan apa yang dibawa oleh Sunnah Nabi Muhammad s.a.w. itu. Mereka menolak hadith.
2. Mereka mengatakan bahawa dalam Islam itu ada zahir dan ada batin. Zahir itu kulit dan batin itu isi. Bila diperolehi isi, maka kulitnya tidak berguna lagi. Yang jelas ialah Rasulullah membawa Syari'at zahir sahaja. "Ada batin disebalik setiap yang zahir" itu adalah lebih banyak mengandungi unsur luar yang di seludupkan ke dalam Islam.
3. Ada di antara mereka yang bermuka dua. Bila anggapan ajaran Syari'at itu kulit dan ajaran tasawuf itu isi, kalau dapat isi, maka kulit tidak berguna lagi, lalu mereka pun bermuka dua. Kalau mereka mengerjakan suruhan Syari'at ialah kerana berada di kalangan orang Syari'at. Tetapi apakala berjauhan, mereka berkata, "Ah itu si bodoh orang Syaria't yang mengutamakan kulit, sedangkan kita mengutamakan isi".

4. Gerakan rahsia. Mereka bergerak secara rahsia. Biasanya seorang murid itu dikehandaki bersumpah lebih dahulu tidak akan membocorkan rahsia. Isi ajaran bagi satu murid dengan murid yang lain tidak sama walaupun keduanya belajar dari satu guru. Ada di antara mereka yang berkata kepada saya, "Sepatutnya Ilmu ini diberi tahu oleh guru kepada seorang murid dengan bertentangan empat biji mata sahaja dalam sebuah bahtera di tengah lautan. Kerana kalau diberitahu dalam rumah dikhuatiri didengar oleh sang cicak, maka sang cicak masuk syurga."

5. Sering kedengaran dari kalangan pengikut ajaran ini umpamanya:

5.1. Ada malakukan nikah batin. Iaitu setelah si gadis itu selesai berkahwin secara syar'e, dia dinikahkan pula secara batin. Di antara upacara nikah batin ialah si gadis itu berseketiduran dengan guru itu. Nikah Syari'at itu hanya mengikut adat sahaja, kata mereka. Sebab itu perlu berkahwin sekali lagi secara batin. (Batiniyah).

5.2. Sembahyang berpada dengan niat sahaja. Inilah sembahyang batin namanya. (Batiniyah).

5.3. Berzikir dalam gelap. Dalam majlis zikir itu dihadiri oleh lelaki dan perempuan. Jika melahirkan anak hasil daripada persetubuhan pada malam itu, maka dianggap itulah anak yang salih. Atau, ketika majlis itu sedang melakukan amalan zikir maka gurunya naik mi'raj. Maksud mi'raj di sini ialah guru itu memilih perempuan yang ada dalam majlis itu untuk berduaan dengannya. Majlis zikir itu berakhir hanya sesudah "berduaan" itu selesai. Nikah batin juga diertikan dengan penyerahan rohani dan jasmani kepada guru. (Tasawuf dan Batiniyah).

5.4. Mempercayai bahawa seseorang itu boleh terus berhubung dengan Allah melalui Nur Muhammad. (Tasawuf).

5.5. Mengaku bahawa Qur'an turun lagi melalui ilmu laduni selepas kewafatan Nabi Muhammad. Qur'an baru ini turun berterusan kepada aulianya hingga kiamat.² (Tasawuf).

Dan ada banyak puluhan lagi.

Ajaran tersebut berpunca daripada:

1. *Wahdat al-wujud* / Martabat Tujuh & Nur Muhammad,
2. Batiniyah,
3. *Wwahdat al-wujud* disampaikan dengan cara Batiniyah.

² <http://members.tripod.com./suluk98/fitnah3.html>

1. *Wahdat al-Wujud*

Ta'rif

Ta'rif *Wahdat al-Wujud* (harfiahnya “satu wujud”) dimaksudkan Allah ialah segala-galanya: Wujud Allah adalah wujud yang hakiki, manakala wujud selain Allah adalah wujud wahmi atau majazi sahaja.

Ta'rif *Nur Muhammad* atau *Haqiqat Muhammadiyah* ialah asal wujud yang terbit (*tajalli* atau *faidh*) daripada dzat Allah, dan segala-gala atau alam semesta ini adalah terjadi daripadanya.

Ta'rif Martabat Tujuh ialah hakikat wujud ini satu jua sekadarkan ianya berlapis tujuh iaitu Ahadiyah, Wahdah, Wahidiyah, Alam Arwah, Alam Mithal, Alam Ajsam, dan Alam Insam. Susunan seperti ini digelar *tanazzulat* (penurunan). Martabat Tujuh ini adalah singkatan daripada *Martabat Empat Puluh* ciptaan Abdul Karim al-Jili. Susunan tujuh atau empat puluh ini untuk menyenangkan kepada pemahaman akal jua, pada hakikatnya adalah satu jua.

Ta'rif *Batiniyah* ialah bermotokan لكل ظاهر باطن ولكل تنزيل تأويل ertinya, “Bagi setiap zahir itu ada batin dan bagi setiap ayat yang diturunkan itu ada ta'wil.” Zahir itu kulit dan batin itu isi. Apabila mendapat isi maka kulitnya tidak berguna lagi. Gerakan ini datang daripada Syi'ah Ismai'liyah Batiniyah, mula lahir di zaman al-Ma'mun (198H) dan terus ada hingga ke hari ini. Orang Melayu kurang mengenali ajaran ini kerana sumber maklumatnya hanya sampai dalam dua tiga dekad kebelakangan ini sahaja.

Penjelasn ta'rif

Empat perkara ini sebenarnya satu jua. *Nur Muhammad*, dan Martabat Tujuh sebenarnya adalah tafsiran atau penjelasan kepada konsep *Wahdat al-Wujud* jua. *Wahdat al-Wujud* ini pula bersekongkol dengan Batiniyah. *Wahdat al-Wujud* bukan perkara amali tetapi perkara nazari atau i'tiqad. Maka bolehlah dikatakan ‘aqidah *Wahdat al-Wujud*. Dalam Islam madzhab Ahli Sunnah tidak disuruh beriman dengan empat perkara yang dibincangkan ini tetapi menjadi i'tikad atau anutan sebahagian orang tasawuf walaupun di antara mereka ada yang mengaku dirinya Ahli Sunnah.

Wahdat al-wujud x Ithnainiyat al-wujud

Aqidah *Wahdat al-Wujud* amat jelas bercanggah dengan *Ithnainiyat al-Wujud* pegangan Ahli Sunnah. *Ithnainiyat al-Wujud* ialah ada alam dan ada Allah adalah dua ada yang berlainan. Allah ialah Maha Wujud Yang Qadim, manakala alam adalah wujud yang hadith yang dijadikan oleh Allah daripada tiada kepada ada.³ Manakala *Wahdat al-Wujud* pula ialah satu aliran falsafah atau tasawuf falsafah yang mengatakan bahawa Allah dengan alam ini satu jua, Allah ialah segala-gala (الله هو كل شيء). Yang diakui ada hanyalah Allah jua. Selain daripada Allah dianggap *a'radh* bagi Nya semata-mata. Dalam kepercayaan agama, asas segala sesuatu kembali kepada Allah belaka. Maka inilah yang dikatakan oleh agama yang tertua di dunia iaitu Hindu. Menurut kepercayaan agama ini, yang sebenar ada hanya Brahma (Allah) jua. Dan inilah jua yang dikatakan oleh beberapa tokoh falsafah seperti Xenophanes, Stoic, Neoplatonism, Erigina, Spinoza, Fitch, dan Hegel. Fahaman seperti ini boleh didapati dalam tasawuf falsafah terutama seperti yang dipelupuri oleh ibn-'Arabi dan Hallaj.⁴

Teori Wahdat al-Wujud

Menurut ibn 'Arabi (meninggal 638H) "Bahawa ada segala makhluk yang baharu ini sebenarnya ialah ada Khaliq Pencipta itu sendiri".⁵ Ungkapan ibn-'Arabi ini jelas mengandungi pengertian *Wahdat al-Wujud*. Ibn-'Arabi menciplak teorinya ini daripada 1. *hulul* al-Hallaj, 2. *Neoplatonism*, dan 3. konsep *jauhar* - '*aradh* As'ariyah, dengan ubah suaiannya.⁶

(i) Hulul *Hulul* ertinya Allah menempat atau meresap dalam alam ini seperti api dalam bara. Maka ini adalah sama pengertiannya dengan *Wahdat al-Wujud* yang bererti Allah ialah segala-galanya. Imam Ghazali mengatakan bahawa Allah *hulul* dalam alam ini (alam dan Allah adalah satu) adalah salah yang dibahasnya dengan panjang lebar.⁷

³ الغزالي، كتاب قواعد العقائد دالم احياء علوم الدين جلد ستو بهاكين اول

⁴ الموسوعة العربية الميسرة، "وحدة الوجود"، القاهرة: دار القلم، ت.ت.

⁵ L.Massignon ed. Paris: Librarie Paul Geuther, 1913, pp. 9-19.

⁶ أبو العلا عفيفي، التصوف الثورة الروحية في الإسلام، القاهرة: دار المعارف، ١٩٦٣، ص ١٩١

⁷ ليهت المقصد الاسنى، فل أي شهيدى اينديتور، بيروت: دار الشرق، ١٩٧١، ص ١٦٢-١٧١

(ii) Neoplatonism

"Martabat Alam Tujuh" *Neoplatonism*. Kelahiran alam semesta ini daripada Tuhan, ibn-'Arabi menggunakan istilah *tajalliyat*, (penampakan, atau kemunculan sendiri, atau manifestasi). Tetapi dia juga menggunakan istilah *faidh*, (limpahan) Maha Esa, Maha Banyak, dll, yang memang ada persamaan dalam ajaran *Neoplatonism*, tetapi dia menggunakan dengan caranya sendiri berlainan dengan Plotinus. Baginya *tajalli* adalah berterusan tanpa kesudahan selama-lamanya (*التجلي الدائم الذي لم يزل ولا يزال*) Bila ibn-'Arabi menggunakan istilah yang membawa kepada pengertian *faidh* atau emanasi, maka dia menggunakannya secara metafora. Mafhum *Neoplatonism* yang terkenal dengan teori *faidh* atau *emanation* ini mempengaruhi ibn-'Arabi yang menjadi salah satu punca daripada manakah datangnya teori *wahdat al-wujud* ciptaannya ini. Menurut teori emanasi, Allah Maha Esa. Terbit daripada Esa adalah Esa juga tetapi berlapis-lapis atau berlapis tujuh iaitu:

1. *God* (Tuhan)
2. *Ideas* (akal)
3. *Logos* (keseluruhan ideas)
4. The Divine Spirit (*The Holy Ghost* atau Roh al-Qudus)
5. Malaikat
6. Manusia
7. Matter (benda).⁸

Ada tujuh lapis semuanya tetapi pada hakikatnya adalah **satu** jua tetapi berlapis tujuh. Lapisan in dalam bahasa Arab digelar *martabat مرتبة* . Maka bolehlah kita gelar di sini Martabat Tujuh. Maka Martabat Tujuh *Neoplatonism* ini bolehlah dibandingkan dengan Martabat Tujuh sufi yang diringkaskan daripada Martababat 40 Al-Jili yang digelar *tanazzulaat* (turunan) iaitu:

1. Ahadiyah
2. Wahdah
3. Wahidiyah
4. Alam Arwah
5. Alam Mithal
6. Alam Ajsam
7. Alam Insan

⁸ J.K. Fiebleman, *Understanging Philosophy*, New York: Horizon Press, 1973. p. 83.

1,2,3, Ahadiyah, Wahdah, Wahidiyah, atau digelar juga La Ta'yyun, Ta'yyun Awal, Ta'ayyun Thani adalah Qadim lagi azali, kerana ketika itu tiada maujud selain dzat Allah dan segala sifatnya jua. Terdahulu atau terkemudian dari tiga susunan itu adalah untuk perhitungan akal jua. Pada hakikatnya adalah serentak. Seperti jari memulas anak kunci, anak kunci, dan mangga ibu kunci terbuka, tiga tersebut ini bergerak serentak.⁹

4. Alam Arwah iaitu mengenai benda-benda yang bebas lagi simple yang lahir dalam seluruh diri atau idea masing-masing. Martabat Alam Arwah ini dinamakan juga Nur Muhammad. Dari Nur Muhammad terjadinya alam semesta.

5. Alam Mithal (*world of ideas*) mengenai benda-benda lemah lembut semesta yang bergabung tidak boleh dipecah atau dibahagi, dikoyak atau ditampal.

6. Alam Ajsam iaitu mengenai segala suatu dalam semesta alam ini yang bersusun dan menebal yang boleh dibelah bahagi.

7. Alam Insan yang digelar juga martabat tajalli *jami'ah* (menghimpunkan) semua martabat enam yang terdahulu.¹⁰

Martabat Tujuh sufi ini adalah ringkasan daripada Martabat Empat Puluh Abdul Karim al-Jili (meninggal 832H) seorang pengikut ibn-'Arabi. Jika ini diambil kira, maka didapati adanya persamaan dengan Martabat Tujuh Neoplatonisme:

1. Tuhan (God) ada persamaan dengan Ahadiyah, Wahdah, dan Wahidiyah. Ahadiyah juga digelar *La ta'yyun* (tidak nyata, aspek batin). Pada martabat ini Tuhan tidak nyata tanpa sifat tanpa idhafat atau lain. Wahdah atau *Ta'yyun Awal* (nyata pertama) atau dinamakan juga *Haqiqat Muhammadiyah*. Pada Martabat ini Tuhan itu tahulah akan dzat-Nya sendiri, sifat-Nya, dan segala yang ada. Tahu ini adalah tahu secara ijmal tanpa ada perbezaan di antara satu sama lain. Wahidiyah atau *Ta'yyun Thani* (nyata kedua). Pada martabat ini Tuhan itu tahulah akan dzatnya dan sifatnya secara terperinci.

2. *Ideas* menepati Alam Mithal.

3. *Logos* iaitu kesesluruhan *Ideas*.

⁹ محمد اسماعيل المدرسي، كتاب الخزان، بومبي: شرف الدين الكتبي، ١٣٦٩ هـ، ص ١٠

¹⁰ A.F.H. Ibrahim, *Ahli Sunnah & Wujudiyah – Batiniyah (Mengenal Ajaran Salah)*, Kuala Lumpur: JAKIM, 1999, pp. 180-183.

4. *The Divine Spirit* yang kemudian digelar *The Holy Ghost* (Roh Rabbani atau Roh al-Qudus) maka ini ada persamaan dengan *Nur Muhammad* atau *Haqiqh Muhammadiyah* iaitu tafsiran bagi Wahdah atau *Ta'yyun Awal*. *The Divine Spirit* ertinya Roh Ilahi, maka ini seakan dengan Alam Arwah.

5. Mala'ikat, maka ini tidak ada dalam Martabat Tujuh sufi tetapi ada menepati Martabat ke tujuh belas dalam susunan Martabat Empat Puluh al-Jili yang berbunyi المرتبة السابع عشر من مراتب الوجود هي عالم الارواح العلوية وهم الملائكة (Martabat ke tujuh belas daripada martabat wujud ialah Alam Arwah pehak atas dan mereka ialah mala'ikat).¹¹

6. Manusia, maka ini menepati Alam Insan dalam susunan Martabat Tujuh sufi atau yang keempat puluh dalam susunan al-Jili.

7. Benda (*matter*) maka ini ada menepati Alam Ajsam dalam Martabat Tujuh sufi atau martabat ke tiga puluh enam hingga tiga puluh lapan dalam susunan Martabat Empat Puluh al-Jili iaitu *al-kurat al-turabiyah*, *al-ma'adin*, dan *al-nabaat* (bola tanah, galian, dan tumbuhan).¹²

Dengan ini maka jelaslah bahawa istilah-istilah *Martabat Tujuh emanasi Neoplatonisme* didapati ada persamaan dengan *Martabat Tujuh Sufi* dan *Martabat Empat Puluh al-Jili* sekadarkan istilah-istilah itu tidak dapat diuruti satu persatu tetapi ada kait mengait dan ada dahulu dan kemudian. Segala apa yang disebut itu pada dasarnya tidak lari daripada tajuk perbincangan kita iaitu baik Neoplatonisme atau Martabat Tujuh atau Martabat Empat Puluh pada dasarnya adalah sama iaitu membincangkan teori *al-faidh* atau *emanation* yang berasal daripada Neoplatonisme dapat digandingkan dengan teori *tajalliyat* ibn-'Arabi dan muridnya al-Jili.

Pokok permasalahan ialah adanya alam semesta ini bukan dari tiada kepada ada seperti dalam 'Aqidah Allah itu bersifat Qidam (tiada awal bagi ada-Nya) sedangkan wujud alam semesta ini ada permulaan. Tetapi alam semesta ini daripada ada kepada ada menurut teori *tajalli* atau *al-faidh*. Pancutan *tajalli* atau *al-faidh* ini satu jua tetapi berlapis-lapis. Tidak semestinya tujuh lapis. Al-Jili mengatakan tidak terhingga

¹¹ عبد الكريم الجيلي، مراتب الوجود، مصر: مكتبة الجندي، ت.ت. ص ٢٣

¹² *Ibid*, p. 38-39.

banyaknya tetapi dia berpada dengan menyebutnya empat puluh sahaja. Ibn 'Arabi menyebut tiga sahaja iaitu *al-ahadiyah al-mutlaqah*, *al-wahidiyah*, dan *syuhud al-haqq* dalam hati sufi. Manakala Syamsuddin Sumatrani menyebut lima sahaja iaitu ahadiyah, wahdah, wahidiyah, alam arwah, dan alam syahadah.¹³

Ibn Khaldun mengatakan bahawa ada penulis yang cuba menerangkan pandangan sufi mengenai pendedahan (*kasyf*) akan *hakikat al-wujud* ini dan bagaimanakah susunannya dengan penggunaan istilah biasa. Didapati mereka membawa perkara kabur demi kabur yang bertambah-tambah. Contohnya seperti al-Farghani menulis tentang kaitan asal alam semesta ini dengan Maha Pencipta dan bagaimanakah susunannya. Dia mengatakan bahawa semua alam semesta ini datangnya daripada sifat *wahdaniyat* yang menjadi manifestasi bagi *ahadiyah*, keduanya ini terbit daripada yang dikenali dengan keesaan tiada lain dari itu. Proses inilah yang digelar *tajalli*. *Tajalli* pertama ialah *tajallai* dzat ke atas diri-nya sendiri. Ini mengandungi kesempurnaan (*kamal*) kerana ianya emanasikan makhluk serta kelahirannya berasaskan kepada sepotong ungkapan yang mereka kata hadith qudsi berbunyi:

كنت كنزا مخفيا فأحببت أن أعرف فخلقت الخلق ليعرفوني
 Aku adalah perbedaharaan yang tersembunyi. Aku mahu dikenal. Sebab itulah Aku ciptakan alam semesta, supaya mereka kenalkan Aku".¹⁴ Kesempurnaan kejadian ini menurun ke tahap al-wujud dan pentafsiran segala hakikat. Pada pandangan sufi itulah alam ma'ani (*ideas*), Hakikat Muhammadiyah yang didalamnya hakikat segala sifat, lauh, qalam, hakikat segala nabi dan rasul semuanya. Semuanya ini tafsiran daripada Haqiqat Muhammadiyah. Terbit daripada segala hakikat ini ialah hakikat-hakikat yang lain pula dalam kehadiran atom (*haba'iyah*). Maka inilah martabat (alam) mithal. Dari sini maka lahirlah 'arasy, kursi, kemudian segala cekerawala, kemudian alam anasir, dan akhirnya alam susunan. Semuanya ini pada asalnya di alam paduan (*ratq*) tetapi apakala segalanya itu bermanifestasi, maka bertukarlah menjadi alam pisahan (*fatq*).¹⁵

¹³ Nieuwenhuijze, C.O.A. *Sam'ī – Din Van Pasai*, Leiden: E.J. Brill, 1945, pp. 245-266.

¹⁴ Menurut ibn- Hajar, al-Zarkasy, dan ibn-Taimiyah bahwa ini bukan hadith Nabi s.a.w. kerana sanadnya tidak diketahui sama ada sahih atau dha'if.- Lihat al-Syaibani, *Tamyiz al-Tayyib man al-Khabith*. Qahirah: Maktabat Khaji. 1324. hlm. 153-154.

¹⁵ مقدمة ابن خلدون، بيروت: مكتبة العصرية، ١٤١٦-١٩٩٦، ص ٤٥٣-٤٥٤

Daripada perbincangan di atas ternyatalah bahawa:

1. Ibn-'Arabi (selepas enam ratus tahun meninggalnya Rasulullah) yang menciptakan *wahdat al-wujud* dalam Islam. Walaupun sebelumnya dalam bentuk *dzauqi* malah sebelum Islam lagi *wahdat al-wujud* sudah ada seperti dalam agama Hindu.
2. Teori *faidh* Martabat Tujuh Neoplatonism dengan teori Martabat Tujuh *tajalli* ibn-'Arabi seperti yang dibawa oleh muridnya al-Jili didapati ada persamaan.
3. Tidak semestinya tetap dengan "Tujuh Martabat (lapisan)" tetapi ibn 'Arabi membilanganya tiga sahaja dan al-Jili mengatakan tidak terhingga tetapi yang dibilangnya adalah empat puluh. Dalam empat puluh ini boleh didapati atau diringkaskan menjadi tujuh. Maka terkenallah dengan Martabat Tujuh.
4. Dimaksudkan dengan Tujuh Martabat itu ialah untuk mengenal asal usul manusia dan alam semesta. Ahadiyah, wahdah, wahidiyah adalah merupakan aspek batin manusia dan alam arwah, alam mithal, alam ajsam, dan alam insan merupakan aspek zahir. Semuanya itu pada hakikatnya satu jua iaitu Allah wujud yang hakiki dan selainnya adalah bayangan bagi-Nya sahaja. Allah pada zahirnya alam semesta ini dan alam semesta ini pada batinnya ialah Allah.
5. Tidak ada dalil *wahdat al-wujud* dalam Qur'an dan hadith sahih. Kalau ada tentunya Rasulullah sendiri dan para sahabat dan taabi'in menganut *wahdat al-wujud*. Apa yang mereka bawakan ayat-ayat Qur'an dan hadith seperti dibawah ini adalah paksaan keatas ayat-ayat suci dan nama Rasulullah itu supaya tunduk kepada kehendak *wahdat al-wujud* mereka.
6. Teori emanasi atau *tajalli* ini membawa pengertian bahawa alam semesta ini qadim tanpa permulaan, wujudnya serentak dengan wujud Allah, wujud *ma'lul* dengan *'llahnya*. Tetapi pendapat ahli sains terkini mengatakan bahawa wujud alam semesta ini ada permulaan. Umur alam semesta (*universe*) ini adalah di sekitar 14 billion tahun:

Paris, Wed: The Universe is around 14 billion years old, according to calculations by British astronomers. Cambridge astronomers arrived at the figure by comparing data derived from different techniques used by US and Israel scientists, the International Astronomical Union said yesterday.- AFP¹⁶

¹⁶ *The Sun*, August 10, 2000, p.30.

(iii). Asya'irah mengatakan alam ini baharu kerana ianya terdiri daripada *jauhar* dan *'aradh* yang dijadikan daripada tiada kepada ada. *'Aradh* itu berubah-ubah maka ianya hadith. Maka *jauhar* ikut sama hadith, kerana yang menerima *qa'im* dengan yang hadith itu hadith. Maka alam ini hadith dicipta oleh Allah Yang Qadim bukan hadith. Tetapi ibn-'Arabi mengatakan *jauhar* itu sendiri adalah Allah dan alam ini *'aradh*. *Jauhar* dan *'aradh* adalah bersatu tidak boleh berpisah, maka demikian jua Allah dengan alam ini adalah satu tidak boleh berpisah. Ibn-'Arabi menyalahkan Asya'irah mengapa tidak kata bahawa Allah ialah *jauhar* dan *'aradh* itu sendiri. Tajalli Allah dalam bentuk aneka ragam makhluk ini tidak lain daripada segala *'aradh* bagi *jauhar* itu. Jadi, menurut ibn-'Arabi, Allah ialah roh al-wujud ya'ni semua rupa lahiriyah alam semesta ini. Dengan kata lain, "Tuhan pada zahirnya itulah hamba dan hamba pada batinnya itulah Tuhan". Atau dengan kata lain, "Wujud segala yang baharu ini adalah *'ain* wujud Allah sendiri".

Rumusan Teori *Wahdat al-Wujud* .

Hasil ciplakan daripada tiga sumber tersebut ibn-'Arabi membuat ubah suaian dengan mengatakan bahawa hakikat wujud ini ada tiga martabat iaitu *الاحدية المطلقة* (ketunggal mutak), *الواحدية* (keesaan), dan *شهود الحق* dalam hati sufi. Maka lenyaplah yang banyak dalam Yang Esa. Juga tidak kurang dia mengambil ramuan daripada Syi'ah tentang konsep *Wahdat al-Wujud*, *Haqiqat Muhammadiyah*, dan Imam Mahdi.¹⁷ *Haqiqat Muhammadiyah* itu bersamaan dengan Qutub bagi orang tasawuf dan ada persamaan dengan Imam Ma'sum bagi Syi'ah Isma'iliyah dan Qaramitah (Batiniyah).¹⁸ Allah dengan alam adalah seperti badan dengan anggota badan, atau seperti ombak dengan laut atau seperti matahari dengan cahayanya. Semuanya itu pada hakikatnya Allah semata tetapi wujud alam ini dalam bentuk tajalli atau penampakan Allah yang tidak berkeputusan. Tajalli ini ada 40 martabat, atau *Martabat Empat Puluh* seperti yang dikatakan oleh al-Jili, maka dari sini disingkatkan lalu jadi lebih terkenal dikalangan kaum sufi dengan 7 martabat lalu digelar Martabat Tujuh seperti yang telah tersebut di atas.

¹⁷ الشيبى، الصلة بين التصوف والتشيع

¹⁸ ابن عربى، فصوص الحكم، تعليقات أبو العلا عفيفى، بيروت: دار الكتاب العربى، ت.ت. ص ٣٩

Martabat Tujuh ialah tajalli Dzat Allah iaitu Ahadiyah, Wahdah, Wahidiyah, Alam Roh, Alam Mithal, Alam Ajsam, dan Alam Insan. “Guna Martabat Tujuh ini ialah untuk mengenal diri. Seperti kata al-Hadith) palsu) من عرف نفسه فقد عرف ربه Ertinya, barang siapa mengetahui akan dirinya maka sesungguhnya mengetahui ia akan Tuhannya. Bermula mengenal diri itu dengan tujuh martabat. Martabat pertama *al-Lata'yyun* atau Ahadiyah, kedua *al-Ta'yyun al-Awal* atau Wahdah dan dinamai juga *al-Haqiqah al-Muhammadiyah*, ketiga *al-Ta'yyun al-Thani* atau Wahidiyah iaitu hakikat insan. Tiga martabat ini qadim. Ke empat martabat Alam Arwah, ke lima martabat Alam Mithal, ke enam Alam Ajsam, dan ke tujuh Alam Insan”. Empat martabat terakhir ini hadith.¹⁹

“Martabat Tiga” ibn-’Arabi tersebut di atas itu batil kerana menciplak dengan ubah suai daripada teori *hulul* Hallaj, *Neoplatonisme*, dan *jauhar ‘aradh* Asy’ariyah dan tidak ada dalil Syarak yang jelas. Maka *Martabat Tujuh* ini juga batil kerana dari satu segi tidak ada dalil Syara’ yang jelas dan dari segi yang lain nampak ada persamaan dengan teori tajalli *Martabat Tujuh Neoplatonism*.

Nabi Muhammad pada pandangan sufi

Dalam huraian *Martabat Tujuh* kita dapati *Nur Muhammad* iaitu “tanazzul dzat Allah pada martabat Kedua iaitu Wahdah namanya. Ianya zahir daripadanya segala sifat dan asma’ dengan ijmal iaitu hakikat nabi kita Muhammad s.a.w. iaitu asal segala yang maujud dan hayatnya. Maka adalah Nabi kita Muhammad s.a.w. iaitulah *هوية العالم* ertinya hakikat alam dan asal segala *asyya’* (sesuatu). Kerana bahawasanya segala *asyya’* itu dijadikan daripada *Nur Nabi* kita Muhammad s.a.w. seperti sabdanya kepada Jabir:

أول ما خلق الله نور نبيك يا جابر فخلق منه الإتياء وانت من تلك الإتياء Ertinya, bermula-mula yang dijadikan Allah Ta’ala itu cahaya Nabimu hai Jabir. Maka dijadikan daripadanya akan segala *asyya’* maka bersabda pula ia bagi Jabir itu, bermula engkau itu setengah daripada segala *asyya’* Ertinya bermula-mula yang dijadikan Allah Ta’ala itu cahaya Nabimu hai Jabir. Maka dijadikan daripadanya segala *asyya’* (benda)” (Hadith Jabir ini bukan hadith sahih).²⁰ Petikan ini amat jelas mengatakan bahawa *Nur Muhammad* itu asal kejadian segala yang ada, malah sebelum Nabi

¹⁹ ليهت أحمد خطيب، الشموس اللامعة، مكة: مطبعة الميرية، ١٣٣١، ص ٥-٧

²⁰ محمد نفيس البنجاري، الدر النفيس، فينغ، ت.ت. ص ٢١-٢٢

Muhammad dilahirkan di Makkah (570 - 632M) maka *Nur Muhammad* itu lebih dahulu sudah ada.

Menurut mereka Nabi Muhammad itu *nur*. Dimaksudkan dengan *nur* ialah Nabi Muhammad yang dilahirkan di Makkah itu. Firman Allah

قد جاءكم من الله نور (Sesungguhnya telah datang kepadamu *nur* (cahaya) dari Allah).²¹ Menurut ahli tafsir dimaksudkan dengan *nur* di sini ialah Nabi Muhammad s.a.w. Tasawuf *Wahdat al-Wujud* juga memperakui tafsiran ini, tetapi mereka menambah dengan mengatakan bahawa *nur* itu salah satu daripada nama-nama Allah yang diletakkan ke atas diri Nabi Muhammad s.a.w. Maka *nur* di sini bukan *Nur Muhammad* seperti yang dimaksudkan dalam ungkapan yang dikatakan hadith seperti tersebut di atas. Tetapi diri Nabi Muhammad s.a.w. sendiri. Maka *nur* ini diletakkan ke atas diri Nabi Muhammad kerana, menurut fahaman mereka, baginda datang dari Allah seperti matahari dengan cahayanya. “Tiada cahaya itu diri matahari dan tiada lain daripadanya”.²² Jadi, Nabi Muhammad s.a.w. dengan Allah adalah seperti matahari dengan cahayanya. Cahaya matahari bukan matahari dan bukan bukan matahari.

Nur Muhammad telah wujud sebelum segala sesuatu wujud, Nabi Muhammad yang lahir di Makkah itu juga *Nur* sedangkan segala sesuatu telahpun wujud. Inilah yang saya faham daripada bahasa kitab *al-Durr al-Nafis* berbunyi:

Nur Muhammad telah wujud sebelum segala sesuatu wujud: Sabdanya يا جابر ان الله خلق الاشياء من نوره Ertinya, Hai Jabir bahawasanya Allah Ta’ala telah menjadikan ia dahulu daripada *asyya’* (sesuatu) itu akan *Nur* Nabimu iaitu dijadikan ia daripada dzat-Nya. Nabi Muhammad itu *Nur* dari dzat Allah yang wujud setelah segala sesuatu wujud: “Maka difahamkan daripada yang demikian itu bahawasanya Nabi kita Muhammad s.a.w. daripada *Nur Dzat Allah* dan dari kerana yang demikian itu maka menama Allah Ta’ala akan dia di dalam Qur’an yang mulia dengan *Nur-Nya* seperti firman-Nya yang maha tinggi:

قد جاءكم من الله نور Ertinya, sanya telah datang akan kamu daripada Allah Ta’la itu *nur* iaitu Nabi kita Muhammad s.a.w. Bermula

²¹ المائدة، ١٥:٥

²² الدر النقيس op. cit hlm. 22.

nur itu seperti yang diketahui nama dzat Allah Ta'la. Maka dinamai akan Nabi kita Muhammad s.a.w. itu dengan dia kerana ia tiada lain daripada-Nya. Seperti matahari, maka bahawasanya cahaya matahari itu menunjukkan atas wujudnya tetapi bukan ia dirinya pada i'tibar *surah* dan tiada lain adripanya pada i'tibar ma'na. Kerana ketiadaan cahaya matahari itu sebab ketiadaan wujud matahari. Maka dengan perkara ini tiada cahaya itu diri matahari dan tiada lain daripanya. Dan difaham daripada sini tatakala ada ia seperti ma'na perkara yang akhir ini iaitu cahaya itu tiada lain daripada-Nya.²³

Oleh kerana Nabi Muhammad itu dari *Nur Dzat* Allah maka Nabi Muhammad pun Allah juga. Maka timbullah di kalangan mereka hadith (sebenarnya bukan) kononnya Rasulullah ada bersabda yang berbunyi:

أنا أحمد بلا ميم وأنا عربي بلا عين من رأي فقد رأى الحق { jadi Ahad } aku 'Arabi tanpa 'ain { jadi Rabbi ربي } siapa melihat aku, maka sesungguhnya dia melihat al-Haqq { Tuhan }).²⁴

Asal semua kejadian alam ini daripada *Nur Muhammad* ini adalah salah kerana hadith Jabir yang tersebut itu adalah hadith tidak sahih dan bercanggah dengan zahir nas Qur'an dan hadith-hadith sahih yang menegaskan bahawa asal mula kejadian makhluk ini bukan sekali-kali daripada *Nur Muhammad* tetapi 'Arasy, air, udara, langit, bumi, Lauh, Qalam, dan setiap benda yang hidup dijadikan daripada air. Semuanya ini amat jelas dari nas Qur'an dan Sunnah yang sahih.²⁵ Ayat *قد جاءكم من الله نور* ini telah disebut di atas yang menunjukkan bagaimana orang *Wahdat al-Wujud* menyeretkan ayat Qur'an kepada fahaman mereka.

_Kesimpulan daripada perbincangan di atas ialah bahawa Martabat Tujuh dan *Nur Muhammad* adalah tafsiran bagi fahaman *Wahdat al-Wujud*.

Wahdat al-Wujud: dalil-dalil dari Qur'an

²³ الدر النفيس، ص ٢٢

²⁴ Seyyed Hossain Nasr, *Ideals and Realities of Islam*, London: George Allen & Unwin Ltd., 1972, p. 89. (Seyyed Hossain Nasr amat menonjol-nonjolkan hadith palsu ini.

²⁵ Abdulfatah Haron Ibrahim, *Martabat Tujuh*, Kuala Lumpur: JAKIM, 1998, hlm. 11.

Sepuluh ayat ini dipetik daripada kitab ilmu *martabat tujuh* bertajuk *التحفة المرسله* oleh محمد بن فضل الله البرهانفوري. Isi kitab ini diakhiri dengan katannya "dan dalil *wahdat al-wujud* itu amat banyak (lalu disebutnya sepuluh ayat-ayat yang tersebut di atas)". Maka jelaslah di sini bahawa *martabat tujuh* itu ialah *wahdat al-wujud*.

Tersebut di atas bahawa *Wahdat al-Wujud* telah ada sejak daripada zaman purba lagi. Tetapi dalam Islam, *Wahdat al-Wujud* mula terkenal daripada ibn-Arabi yang bukannya lahir daripada dalil Qur'an dan Sunnah yang sahih tetapi meniplak daripada tiga sumber: *Neoplatonism*, konsep *hulul* al-Hallaj, dan teori *jauhar* dan 'aradh Asy'ariyah. Tetapi bagi kaum sufi *Wahdat al-Wujud* mengatakan bahawa dalil kami daripada Qur'an dan Sunnah yang sahih mengenainya amatlah banyak di antara lain ialah seperti:

1. ²⁶ والله المشرق والمغرب فأينما تولوا فثم وجه الله
2. ²⁷ ونحن أقرب إليه من حبل الوريد
3. ²⁸ وهو معكم أينما كنتم
4. ²⁹ ونحن أقرب إليه منكم ولكن لا تبصرون
5. ³⁰ ان الذين يباعدونك انما يباعدون الله يد الله فوق ايديهم
6. ³¹ هو الأول والآخر والظاهر والباطن وهو بكل شئ عليم

²⁶ "Dan kepunyaan Allah-lah timur dan barat, maka kemanapun kamu menghadapi di situ wajah Allah". (البقرة، ١١٥:٢). Ayat ini diturunkan mengenai masalah qiblat. Sebab itu kemana sahaja kamu mengarahkan diri (ke kiblat untuk menghadap Allah) maka di situlah arah yang diredhai Allah. - *Tafsir Pimpinan al-Rahman*.

²⁷ "Dan Kami lebih dekat kepadanya daripada urat lehernya". (ق، ١٥:٥٠). Kami di sini bukan Allah sendiri tetapi para malaikat-Nya lebih kepada inang daripada urat lehernya. Tafsiran ini bagi mengelakkan daripada *hulul* dan *ittihad* yang memang ditolak oleh Ahli Sunnah dengan *ijma'*. - *تفسير ابن كثير*

²⁸ "Dan Ia tetap bersama kamu di mana sahaja kamu berada" (الحديد، ٤:٥٧) Yakni Allah sedia mengetahui hal keadaan kamu pada bila-bila masa dan di mana sahaja kamu berada". - *Tafsir Pimpinan al-Rahman*.

²⁹ "Dan Kami lebih dekat kepadanya daripada kamu tetapi kamu tidak melihat".

(الواقعة، ٨٥:٥٦) Kami lebih dekat kepadanya dengan dengan Ilmu dan Qudrat Kami.

³⁰ "Bahawasanya orang-orang yang berjanji setia kepada kamu sesungguhnya mereka berjanji setia kepada Allah, Tangan Allah di atas tangan mereka". (الفتح، ١١:٤٨) Maksud ayat ini ialah bahawa orang yang berjanji setia biasanya berjabat tangan. Cara berjanji setia dengan Rasulullah ialah meletakkan tangan Rasulullah di atas tangan orang berjanji itu. Jadi, maksud "tangan tangan Allah di atas tangan mereka" ialah untuk menyatakan bahawa berjanji dengan Rasulullah sama dengan berjanji dengan Allah. Jadi, seakan-akan tangan Allah di atas tangan orang berjanji itu. Hendaklah perhatikan bahawa Allah Maha suci dari sifat-sifat makhluk-Nya. - *Al-Quraan Dan Terjemahnya*.

³¹ "Dialah Yang Awal dan Yang Akhir, Yang Zahir dan Yang Batin; dan Dia Maha Mengetahui segala sesuatu". - (الحديد، ٣:٥٧). Dia Yang Awal sebelum sesuatu tanpa permulaan. Dia Yang Akhir selepas sesuatu tanpa kesudahan. Dia Yang Zahir yang lengkap dengan dalil-dalil, dan Dia Yang Batin tanpa boleh ditanggap pancaindera. - *تفسير السيوطي*

7. وفي أنفسكم أفلا تبصرون³²
8. وإذا سألك عبادي عنى فأتى قريبا³³
9. وما رميت إذ رميت ولكن الله رمى³⁴
10. وكان الله بكل شئ محيطا³⁵

Sepuluh ayat ini dipetik daripada kitab ilmu *Martabat Tujuh* bertajuk *الرسالة التحفة المرسله* tersebut di atas. Kitab ini dirujuk oleh Abdul Samad al-Palimbani dan lain. Isi kitab ini diakhiri dengan katannya “dan dalil *Wahdat al-Wujud* itu amat banyak (lalu disebutnya sepuluh ayat-ayat yang tersebut di atas)”. Maka jelaslah di sini bahawa *Martabat Tujuh* itu ialah *Wahdat al-Wujud*.³⁶

Ulasan kepada dalil- dalil Qur’an

Apabila melihat kepada ayat-ayat seperti tersebut ini maka ramailah orang menerima ‘Aqidah *Wahdat al-Wujud*, atau sekurang-kurangnya tidak berani mengatakan bahawa *Wahdat al-Wujud* itu salah dan kufur. Sekalipun *Wahdat al-Wujud* itu sama seperti i’tiqad Kristian yang mengatakan bahawa Allah itu *transcendence* dan *immanence* sedangkan i’tiqad Ahli Sunnah bahawa Allah itu *transcendence* semata-mata, tetapi tidak berani menghukum bahawa i’tiqad *Wahdat al-Wujud* itu kufur kerana memandang kepada dalil ayat-ayat Qur’an (seperti tersebut).³⁷

³² “Dan (juga) dalam dirimu sendiri. Maka apakah kamu memperhatikan?” (الذرير، ٥١: ٢١)

Ayat ini merupakan lanjutan daripada ayat sebelumnya yang menceritakan bahawa bumi ini mengandungi pelbagai tanda kebesaran Allah bagi mereka yang yakin. Maka ayat ini pula menyatakan bahawa dalam diri manusia ada perkara-perkara yang harus direnongi yang melambangkan keagungan dan kebesaran Allah. - تفسير الازهر دن تفسير ابن كثير

³³ “Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu tentang Aku maka (jawablah) bahawasanya Aku adalah dekat”. (البقرة، ١٨٦: ٢) Erti Allah dekat dengan hamba-Nya ialah ilmu Allah meliputi dan menyeluruh segala makhluk. Allah dengar akan segala apa yang mereka kata dan melihat segala apa yang mereka lakukan. - تفسير المراغي

³⁴ “Dan bukan kamu yang melempar ketika kamu melempar tetapi Allah yang melempar”. (الانفال) . Ertinya melempar dengan Quدرات Allah Ta’ala. Rasulullah melempar ke arah musyrikin dengan segenggam debu. Walaupun debu itu sedikit, terkena juga muka-muka musuh. Kalau difikirkan tidak munasabah kerana debu itu segenggam sahaja, lagipun kedudukan barisan musuh jauh. Tetapi kena juga dengan Quدرات Allah. “Tetapi Allah Yang Melempar”, memberi pengertian dengan Quدرات-Nya. - تفسير المنار

³⁵ “Dan Allah Maha Meliputi segala sesuatu”. (البقرة، ٢: ١٢٦) . Allah Maha Meliputi segala sesuatu ertinya Pengtahuan atau Ilmu Allah Maha Meliputi segala sesuatu. - *Al-Quraan Dan Terjemahnya*.

³⁶ محمد بن فضل الله البرهغفوري، التحفة المرسله . Dr. A.H. Johns ed. Canberra: The Australian National University, 1965, p.135.

³⁷ Lihat, Laurence E.B., *The Quickening Word*, Cambridge, England: W. Heffer and Sons. Ltd., 1955, pp. 17-18.

Sebenarnya ayat-ayat tersebut bukan dalil *Wahdat al-Wujud*. Tetapi ahli *Wahdat al-Wujud* seretkan ayat-ayat tersebut kepada fahaman mereka.

Pertikaian tentang mentafsirkan ayat,
atau apakah hakikat dzat dan sifat Allah

Kalaupun dalil-dalil ayat Qur'an ini cuba ditepis dengan mengatakan bahawa maksud seperti ayat *وكان الله بكل شيء محيطا* (dan adalah Allah itu Maha Meliputi segala sesuatu) bukan dzat Allah sendiri yang meliputi tetapi sifatNya. (sila lihat catatan bawah # 23-32. Allah Maha Meliputi segala suatu ertinya Pengtahuan atau Ilmu Allah Maha Meliputi segala suatu). Sebab itu biasanya ahli tafsir memberi erti bagi ayat-ayat jenis ini, seperti sepuluh ayat yang tersebut di atas, dengan mengatakan "sifat-sifat seperti *ilmu* Allah itu meliputi segala sesuatu, bukan dzat Allah sendiri". Tetapi tepisan ini tidak berkesan kerana bagi ahli *wahdat al-wujud* dzat dan sifat Allah itu adalah satu dan sama, bagi mereka erti *wahdat al-wujud* ialah "Allah ialah segala-gala". Manakala Asy'ariyah mengatakan dzat dan sifat Allah itu berlainan. Sedangkan Rasulullah, Sahabat dan Salaf langsung tidak membicarakan masalah dzat dan sifat ini. Oleh kerana erti *wahdat al-wujud* itu "Allah ialah segala-gala" maka, bagi kaum *wahdat al-wujud* dzat dan sifat Allah pun dikatakan sama.

Di sini kita dapati satu masalah yang serious dalam 'Aqidah. Dalam pengajian *Ilmu Usuluddin* yang digelar juga *Ilmu Sifat*, kita dapati perbincangan hakikat sifat Allah amatlah luas. Manakala dzat Allah dikatakan sifat itu berdiri di atas dzat. Tetapi perbincangan ini berakhir dengan ungkapan *لا هي هو ولا هي غيره* (sifat itu bukan dzat dan bukan bukan dzat). Tujuan dibuat ungkapan sebegini rupa dalam *Ilmu Usuluddin* ialah kerana menjaga kesucian Qur'an dan Sunnah Rasulullah yang sah, Sahabat dan Salaf yang tidak sama sekali membicarakan hakikat sifat dan dzat Allah Ta'ala. Perkara ini adalah diluar daripada kemampuan pencapaian akal kita manusia yang mu'minin. Kalau Qur'an dan Sunnah Rasulullah yang sah yang tidak sama sekali membicarakan tentang hakikat sifat dan dzat Allah Ta'ala, mengapakah pula kita mahu mengada-adakan perkara yang tidak-tidak ini?

Kenyataan di atas amat jelas bahawa kaum sufi *wahdat al-wujud* sudah menyalahi Qur'an dan Sunnah yang diam tidak membicarakan hakikat dzat dan sifat Allah. Tetapi bagi mereka, dzat dan sifat Allah itu adalah sama. Kedudukan yang sebenar dalam perkara ini, seperti tersebut di atas, ialah kita kembali semula kepada prinsip iaitu bukannya Agama Islam amat mudah difaham tetapi falsafah *wahdat al-wujud* sukar difahami, amat rumit yang boleh diintipatikan bahawa Allah ialah segala-segala, Allah tidak boleh bercerai dengan alam seperti matahari tidak boleh bercerai dengan cahayanya, atau seperti laut dengan ombaknya adalah sama, serta kata mereka lagi, dzat dan sifat Allah itu adalah sama. Idea seperti ini bukan daripada Qur'an tetapi daripada falsafah. Pada pendapat saya, mereka pegang idea falsafah ini lebih dahulu kemudian barulah dicari-cari sokongan dari ayat Qur'an. Dengan kata lain "Idea *wahdat al-wujud* sudah dipegang lebih dahulu kemudian barulah dipaksa-pakasa ayat Qur'an memperakunya". Kemungkinan besar, idea yang rumit seperti ini tidak ramai yang sedar, maka sebab itulah orang mudah terpicik dan terpedaya dengan *wahdat al-wujud* apabila mendengar bunyi dalil dari Qur'an dan dalil dari hadith sahih. Sedangkan mereka tidak tahu hakikat sebenar seperti yang tersebut di atas.

Dalil-dalil hadith

Manakala dalil-dalil dari hadith pula yang terkenal di kalangan mereka ialah seperti:

- i. من عرف نفسه فقد عرف ربه
- ii أول ما خلق الله تعالى نور نبيك يا جابر
- iii كنت كنزاً مخفياً فأحببت أن أعرف فخلقت الخلق ليعرفني
- iiii لا يزال عبدي يتقرب الي بالنوافل حتي أحبه فاذا أحببته كنت سمعه الذي يسمع به وبصره الذي يبصر به، ويده الذي يبطش بها، ورجله الذي يمشي بها

dan lain-lain seumpamanya.

Ulasan kepada dalil-dalil hadith

Ungkapan (i) hingga (iii) di atas, semuanya ini sebenarnya bukanlah hadith sahih yang diakui oleh ulama' hadith. Maka senanglah ditolak dengan mengatakan bahawa kamu berhujah dengan hadith dha'if atau

maudhu'. Tetapi mereka mengatakan bahawa “Kalaupun tidak sah pada kamu ahli zahir yang menurut *Ilmu al-Sanad wal Isnad* tetapi sah pada kami ahli sufi (ahli batin) yang menggunakan *kasyaf*.” Dijawab bahawa kalaupun *kasyaf* itu ada tetapi tidak menyeluruh kepada semua jenis manusia, sedangkan Islam itu adalah untuk semua jenis manusia.

Tetapi bagaimanakah pula kalau mereka menggunakan hadith sah seperti hadith (iiiii)? Maka masalah ini, pada pendapat saya samalah seperti mereka menggunakan ayat Qur'an seperti contoh sepuluh ayat yang tersebut di atas.

Tahqiq atau takhrij empat hadith tersebut

i **من عرف نفسه فقد عرف ربه** (Siapa kenal dirinya maka ia kenal akan Tuhannya). Maka al-Sakhawi mengatakan tidak ada asal baginya. Al-Sum'ani mengatakan bahawa ini adalah kata-kata Yahya ibn Mu'dz al-Razi. Ibn-Taiymiyah mengatakan maudhu'. Al-Firuzabadi mengatakan bahawa ini adalah daripada Isra'iliyat. Al-Nawawi mengatakan tidak thabit dari Nabi dan hanya boleh dipakai jika dita'wil. Tetapi ibn-'Arabi mengatakan bahawa ini hadith adalah sah yang diperolehinya dengan jalan *kasyaf*.

ii **أول ما خلق الله تعالى نور نبيك يا جابر** (Mula pertama Allah jadikan ialah *Nur Nabimu* mu hai Jabir). Maka hadith ini tidak dapat dikesan. Dida'wa bahawa hadith ini ada dalam *Musannaf* Abdul Razaq guru Imam Bukhari. Tetapi bila dicari dalam *Musannaf* itu ternyata hadith ini tidak ada. Lagipun hadith ini seolah menyuruh semua orang percaya bahawa *Nur Muhammad* dari Allah dan semua alam jadi daripada *Nur Muhammad*. Maka kalau suruh semua orang percaya, tidaklah wajar diriwayatkan hanya oleh satu orang sahaja.

iii **كنت كنزا مخفيا فأحببت أن أعرف فخلقت الخلق ليعرفني** (Aku adalah perbendaharaan yang tersembunyi, maka aku suka dikenal, lalu Aku jadikan makhluk supaya Aku dikenali). Menurut ibn-Taimiyah bahawa ini bukan hadith kerana sanadnya tidak diketahui sama ada sah atau dha'if. Pendapat ini disokong oleh al-Zarkasyi dan al-'Asqallani. Ada ratusan "hadith bukan hadith" seperti ini yang telah dikumpul dan dibukukankan, sila lihat *Mengenal Hadith Maudhu'* terbitan JAKIM.³⁸

³⁸ JAKIM, 1988, hlm. 52-71

لا يزال عبدي يتقرب الي بالنوافل حتي أحبه فإذا أحببته كنت سمعه الذي يسمع به، وبصره الذي يبصر به، ويده الذي يبطش بها، ورجله الذي يمشي بها
 (Senentiasalah hamba-Ku mendampingi Aku dengan nawafil hingga Aku mencintainya. Maka apabila Aku mencintainya maka Akulah pendengarannya yang dengannya dia dengar, dan penglihatannya yang dengannya dia lihat, dan tangannya yang dengannya dia memukul, dan kakinya yang dengannya dia berjalan). Maka ini adalah hadith sahih riwayat Bukhari.³⁹ Mereka seretkan hadith ini kepada fahaman *Wahdat al-Wujud* mereka. Ibn Hajar memberi enam tafsiran ke atas hadith ini. Satupun tidak ada yang membawa kepada fahaman *Wahdat al-Wujud*. Di antaranya seperti apabila dia mensyarahkan hadith sahih riwayat Bukhari berbunyi "Keseluruhannya masyghul dengan-Ku. Maka dia tidak dengar dengan pendengarannya kecuali kepada apa yang Aku redha'i, dan dia tidak melihat dengan penglihatannya kecuali kepada apa yang Aku perentahkan..."⁴⁰

Kata-kata ulama atau yang digelar qaul *al-'arifin billah*

Manakala kata-kata ulama atau yang digelar *qaul al-'arifin billah* yang menyokong *wahdat al-wujud* ini adalah sama seperti kata-kata falasifah, tidak boleh dibuat hujjah dalam 'Aqidah.

Rumusan

1. *Wahdat al-Wujud* datang dari sumber falsafah. Akidah Islam tidak memerlukan kepada falsafah. Sumbernya ialah Qur'an dan hadith sahih bukan falsafah. Tetapi mereka menjawab, kami juga bersumberkan Qur'an dan Hadith Sahih, lihat contoh sepuluh ayat dan satu Hadith riwayat Bukhari seperti yang didedahkan di atas. Pada fahaman penulis, idea *Wahdat al-Wujud* telah ada lebih dahulu lalu diseretkan ayat-ayat Qur'an dan hadith-hadith kepada ma'na yang mereka kehendaki, bukan yang dikehendaki oleh ayat-ayat atau hadith-hadith itu.

2. Malah sembah diri sendiri. Dalam diri kita (diri batin), kata mereka, ada Tuhan. Mereka tafsirkan *فليعبدوا رب هذا البيت* (Maka hendaklah mereka

³⁹ صحيح البخاري، كتاب الرقاق، باب التواضع، حديث رقم ٦٥٠٢

⁴⁰ ليهت فتح الباري شرح باكي حديث ترسيوت

menyembah Tuhan Pemilik rumah ini {Ka'bah},⁴¹ “rumah” itu mereka ertikan dengan badan kita (diri zahir), dan “Tuhan” itu diertikan dengan roh yang ada dalam badan kita (diri batin) itulah Tuhan. Lalu ayat ini bagi mereka bererti kita sembah diri kita sendiri kerana Tuhan itu ialah roh yang ada dalam badan kita. (Sila lihat lampiran 9).

3. Bagi mereka syurga dan neraka seperti yang difaham dalam Islam tidak ada. Nikmat syurga dan azab neraka hanyalah simbolik kepada tinggi atau rendahnya darjat makrifat seseorang.

4. Alam ini bukanlah pada mulanya tiada kemudian ada kemudian ditiadakan pula. Tetapi alam ini adalah bayangan Tuhan. Alam ini penyataan Tuhan Yang Qadim, maka alam ini qadimlah juga seperti Tuhan. Tuhan seperti laut dan alam seperti ombak. Laut mana yang tiada berombak. Ombak itu kekal ada selagi laut itu kekal ada. Demikianlah tamthil Tuhan dengan alam.⁴² Tidakkah ini, dari kaca mata Islam, satu ‘aqidah yang sesat dan kufur.

5. Kaum *Wahdat al-Wujud* mengatakan alam ini qadim lagi azali sama seperti kata falasifah yang dikafirkan oleh Ghazali. Tetapi lebih tepat lagi dikatakan bahawa falasifah masih percaya kepada dua wujud (*ithnainiyat al-wujud*) wujud Allah dan wujud alam adalah dua wujud yang berlainan; tetapi *Wahdat al-Wujud* mengatakan Allah sahaja yang wujud manakala wujud seluruh semesta alam ini adalah bayangan dan khayalan belaka pada hakikat sebenarnya tidak berwujud.

6. Dakwaan kaum *Wahdat al-Wujud* yang mengatakan bahawa kami juga ambil dalil dari Qur’an dan Hadith Sahih adalah salah pada *dalil* dan *madlul*.

7. Fahaman *Wahdat al-Wujud*, *Martabat Tujuh* dan *Nur Muhammad* adalah satu fahaman yang meletakkan Allah ialah segala-galanya. Wujud Allah adalah wujud yang hakiki, manakala wujud selain Allah adalah wujud majazi atau wahmi. Maka fahaman ini bertentangan dengan akidah

⁴¹ قریش، ۳:۱۰۶

⁴² أبو العلاء غنفي، فصوص الحكم والتعليقات عليه، بيروت: دار الكتاب العربي، ت.ت. ص

Lihat juga Hamzah Fansuri, “Sharabul’ -l’ Ashiqin” dlm. *The Mysticism of Hamzah Fansuri*, S.M.N. Al-Attas, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1970, p. 317. dan. Lihat juga A.E. Affifi. *The Mystical Philosophy of Muhyid Din-Ibnul Arabi*, Lahore: Ashraf Publication, 1964, p.29.

Ahli Sunnah wa al-Jama'ah. Maka fahaman ini adalah sesat lagi menyesatkan serta kufur kerana memperakui bahawa semua agama itu betul belaka, dengan alasan semuanya berasal daripada satu jua iaitu *Haqiqah Muhammadiyah*, seperti kata ibn-'Arabi:

لقد كنت قبل اليوم أنكر صاحبي إذا لم يكن ديني الي دينه داني
 لقد صار قلبي قابلا كل صورة فمرعي لغزلان ودير رهبان
 وبيت لأوثان وكعبة طائف والواح توراة ومصحف قرآن
 أدين بدين الحب أتى توجهت ركائبه فالحب ديني وإيماني

عقد الخلاق في الإله عقائد وأنا اعتقدت جميع ما اعتقدوه

Sesungguhnya dulu aku salahkan kawanku
 Jika agamanya dengan agamaku tidak satu
 Sesungguhnya hatiku sekarang terima belaka
 Pengembala kijang atau padri gereja
 Rumah-rumah berhala dan tempat bertawaf
 Suratan Taurat dan Qur'an mashaf
 Aku menganut agama cinta kemana jua menghala
 kenderaannya, maka cinta itulah agamaku dan iamanku.

'Akidah manusia tentang tuhan alangkan banyaknya
 Semuanya itu aku pegang belaka dengan kemasnya.⁴³

2. Batiniyah

Batiniyah ialah Syi'ah Isma'iliyah bermula dengan Imam Ali bin Abu Talib, Hasan dan Husain, Ali Zainal Abidin, Muhammad al-Baqir, Ja'far al-Sadiq, dan Ismail bin Ja'far. Imam selepas mereka tertutup hingga lahir 'Ubaidullah al-Mahdi di Maghribi dalam tahun 296 Hijrah. Mereka berpecah kepada Nizariyah dan al-Musta'liyah dan seterusnya berpecah lagi kepada lain-lain puak termasuk 'Alawiyah, Duruz, Bohrah, Dawudiyah dan lain. Sejarah mereka panjang dan diliputi dengan kekaburan. Imam mereka turun temurun hingga sampai kepada Imam terakhir dalam zaman kita ini iaitu Aga Khan III.

⁴³ أبو الوفا التفتازاني، منخل إلى التصوف الإسلامي، القاهرة: دار الثقافة، ١٩٧٦، ص ٢٤٨-٢٤٩

Isma'iliyah Batiniyah ini ada bermacam-macam nama seperti al-Ta'limiyah, al-'Alawiyah, al-Qaramitah, al-Mulahidah, al-Maimuniyah, al-'Ubaidiyah, al-Nusairiyah, al-Duruz, al-Baha'iyah, al-Bakdasyiyah, al-Qazbalasyiyah, al-Babiyah dan lain.

Di antara peristiwa penting mengenai Isma'iliyah Batiniyah yang ada kaitan dengan kajian ini menurut urutan sejarah:

1. 198 H. Dalam zaman al-Ma'mun (meninggal 198H) dan dalam zaman al-Mu'tasim (meninggal 218H) mula muncul dan merebaknya gerakan Syi'ah Isma'iliyah Batiniyah yang dipelopori oleh sekumpulan orang Majusi. Di antara pengasasnya yang paling aktif ialah Abdullah bin Maimun al-Qaddah *maula* Ja'far al-Sadiq. Matlamat gerakan ini ialah hendak memusnahkan Islam dari dalam dengan membuat dasar:

لكل ظاهر باطن ولكل تنزيل تأويل ertinya, Setiap zahir (Syari'at) itu ada batin, dan setiap ayat yang diturunkan itu ada ta'wil. Tujuannya amat jelas iaitu apabila semua zahir Syara' itu dianggap kulit belaka dan isi batin yang mereka reka-rekakan itu adalah isinya, dan setiap ayat yang diturunkan itu pasti ada ta'wilnya, maka musnahlah Islam, kerana Islam yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. adalah zahir belaka.

2. Di sekitar akhir abad tiga dan awal abad empat Hijrah lahir satu gerakan Isma'iliyah yang menggegarkan masyarakat pada zaman itu iaitu. Mereka bergelar Qaramitah. Di antara ajarannya ialah ada lagi nabi atau nabi-nabi selepas Nabi Muhammad s.a.w., kepercayaan kepada hulul, menta'wilkan ayat-ayat Qur'an dan menggugurkan taklif, serta nengsosialisasikan harta benda dan wanita.

3. 505 H. Imam Ghazali (meninggal 505 Hijrah) perpolemik dengan golongan Isma'iliyah Batiniyah ini. Tokoh raksaksa seperti Ghazali tidak berjaya menghapuskan gerakan sesat ini. Ghazali hanya sekadar berjaya meninggalkan beberapa buah kitab yang amat bernilai untuk kita seperti فضائح الباطنية Dalam kitab ini Ghazali menceritakan bahawa mereka berdalil dengan menggunakan bilangan dan huruf. Seperti angka tujuh, umpamanya, ialah kerana langit ada tujuh, hari dalam seminggu ada tujuh, rongga di kepala manusia ada tujuh, begitulah juga Imam Isma'iliyah yang mula dan utama ada tujuh. Dengan huruf pula ialah seperti huruf محمد maka م itu kepala manusia, ح bahu manusia, م pusat manusia dan د itu

kaki manusia. Maka dimaksudkan dengan Nabi Muhammad yang lahir di Makkah dan wafat di Madinah itu tetapi ialah diri kita manusia. Mereka berpegang kepada bilangan dan huruf yang kononnya ada rahsia. “Ini adalah ilmu orang jahil”, tegas Iman Ghazali.⁴⁴ Mereka menolak Syari’at Islam dengan cara membuat ta’wilan cara Batiniyah yang berdasarkan ertinya, *لكل ظاهر باطن ولكل تنزيل تأويل* ertinya, Setiap yang zahir itu ada batin dan setiap ayat yang diturunkan itu ada ta’wil, seperti tersebut di atas.⁴⁵ Didapati ajaran sesat di Malaysia adalah dari jenis Batiniyah yang digambar oleh Ghazali dalam kitabnya *فضائح الباطنية* Iaitu setiap ayat dita’wil dan setiap huruf ada ertinya batinnya yang berasaskan kepada “ungkapan dasar” seperti yang tersebut itu.

4. 559 H. Imam mereka bernama al-Hasan al-Thani bin Muhammad bin Kayabazrak di sekitar tahun 559 Hijrah mengisytiharkan bahawa apa yang diucapkan olehnya adalah wahyu belaka maka segala kata-katanya wajiblah dipatuhi. Dalam zamannya inilah segala taklif Syara’ mula digugurkan.⁴⁶ Hingga ke hari ini orang Isma’iliyah tidak ada solat dan lain. Mereka cukup dengan menghormati gambar Imam mereka Aga Khan.

5. 606 H. Fakhruddin al-Razi (meninggal 606 Hijrah) adalah seorang ahli tafsir, hadith, fiqh, falsafah, astronomi, sejarah, balaghah, dan lain. Dia juga menulis encyclopaedia. Tetapi beliau juga banyak menulis mengenai falsafah dan juga pengkhususan dalam ilmu ta’wil yang penda’wah Isma’iliyah selalu menggunakannya.⁴⁷

6. 627 H. Fariduddin al-‘Attar (meninggal 627 Hijrah), pengarang kitab *Mantiq al-Tair* Beliau adalah seorang ulama’ dan penda’wah Isma’iliyah Nizariyah. Pada masa mudanya dia belajar di madrasah penda’wah Isma’iliyah. Dia berusaha mengarang dan mengumpulkan sya’ir-sya’ir falsafah Isma’iliyah selama tiga puluh sembilan tahun.⁴⁸

7. 638H. Ibn ‘Arabi (meninggal 638 Hijrah) pernah berdebat dengan pembesar-pembesar Isma’iliyah di benteng Aalamut. Akhirnya beliau tunduk kepada mereka dan menjadi seorang penyokong gerakan

⁴⁴ الغزالي، فضائح الباطنية، القاهرة: الدار القومية، ١٣٨٣ - ١٩٦٣، ص ٦٦-٦٨

⁴⁵ الشهرستاني، الملل والنحل، ج ١، القاهرة: مؤسسة الحلبي، ١٣٨٧-١٩٦٨، ص ١٩١-١٩٢

⁴⁶ د. محمد كامل حسين، طائفة الاسماعيلية، مصر: مكتبة النهضة، ١٩٥٩، ص ٨٠-٨١

⁴⁷ *Ibid.* Hlm. 425-426.

⁴⁸ مصطفى غالب، أعلام الاسماعيلية، بيروت: دار اليقظة العربية، ١٩٦٤، ص ٤٢٣

Isma'iliyah dengan gelaran *hujjah* berpengkalan di Damsyiq.⁴⁹ Gaya bahasa ibn-‘Arabi yang begitu kabur hanya mudah difaham oleh orang yang mendalami falsafah Isma'iliyah. Ibn ‘Arabi juga ada mengambil daripada Syi’ah tentang konsep *wahdat al-wujud*, *Haqiqat Muhammadiyah*, dan Imam Mahdi,⁵⁰ seperti tersebut di atas.

8. 672 H. Jalauddin al-Rumi (meninggal 672Hijrah) adalah seorang penya’ir sufi, tetapi sebenarnya beliau adalah seorang penya’ir Isma'iliyah. Ayahnya sendiri adalah seorang pendakwah Isma'iliyah. Bukti yang amat jelas bahawa beliau seorang Isma'iliyah ialah tentang sya’irnya mengenai Imam.⁵¹

9. Paling terkini. Di antara perentah “wahyu” Imam Isma'iliyah terkini Aga Khan ialah memerentah pengikutnya baca *يَعُوذُوا بِاللَّهِ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولُو* *الأمر* *منكم* *وكل شئ أحصيناه في امام مبین* dan *وأولو الأمر* itu ialah diri Aga Khan.⁵² Jelas bahawa penggunaan dua ayat ini amatlah salah. *وأولو الأمر* bererti “orang yang memerintah” ayat 59 dari surah al-Nisa’ dan *امام مبین* “Kitab induk yang nyata: Lauh Mahfuz” ayat 12 dari surah Yaa Siin. Tetapi Aga Khan menganggap perkataan daripada dua ayat ini adalah diri beliau.

3. *Wahdat al-Wujud + Batiniyah* satu-satunya ajaran sesat utama yang merebak di Malaysia

A. Tokoh-tokoh Nusantara menyambut baik dengan menyokong malah menyebarkan *wahdat al-wujud & Maratabat Tujuh*

Mereka ramai sebut siapa sahaja seperti Siti Jenar (nama asalnya Abdul Jalil berasal dari Iran), Hamzah Fansuri, Shamsuddin Sumatrani, al-Raniri, Muhammad bin Fadhlullah Burhanfuri, Abdul Samad al-Falimbani, Muhammad Nafis al-Banjari, Syaikh Daud al-Fatani, Muhammad Taib al-

⁴⁹ مصطفى غالب، أعلام الاسماعيلية، بيروت: دار البقعة العربية، ١٩٦٤، ص ٥٠٥-٥٠٦.

⁵⁰ Seyyed Hossein Nasr, *Sufi Essays* London: George Allen & Unwin Ltd., 1972, p.111.

⁵¹ مصطفى غالب، أعلام الاسماعيلية، بيروت: دار البقعة العربية، ١٩٦٤، ص ١٨٩.

⁵² Akbarally Meherally, *A History of the Agakhanis Isma'ilis*, Canada: A. M. Trust, P.O Box 81075 Burnaby, B.C. 1991, pp. 104-105.

Banjari, Raden Ranggawarsita dan lain-lain. Ditambah lagi dengan penulis-penulis baru dan termasuk buku-buku dalam bahasa Ingeris dan Urdu yang tidak disebutkan namanya di sini.

B. Yang Menentang

1. Manakala yang membantah tidak ramai atau hampir tidak ada kecuali Syaikh Ahmad Khatib bin Abdul Latif Mangkabauj seorang mahaguru di Masjid Haram Makkah. Beliau menulis *رد أهل السبعة* dalam tahun 1324 Hijrah. Sebab beliau menulis kitab ini kerana katanya:

Datang kepada saya satu surat daripada Negri Jawi menanyakan satu risalah yang dibangsakannya kepada al-Imam Ghazali pada yang ta'lluk dengan Martabat Tujuh, adakah ia daripada karangan Imam Ghazali atau tiada? Dan adakah betul yang tersebut didalamnya atau batil? Kerana orang Jawi telah banyak terdaya dengan kitab itu, dan memakai mereka itu akan dia dan menyangka mereka itu akan bahawasanya itulah ilmu batin dan isi Syari'at, dan jika tiada mengetahui akan dia seseorang ditakuti atasnya mati kafir. Maka dengan sebab itu bersungguh-sungguhlah orang-orang jahil memakainya dan mempelajarinya dan mengamalkan dengan dia. Dan menjadikan mereka itu akan dia jadi tarikat yang tiada sempurna iman orang yang tiada mengetahui akan dia. Maka saya mutala'ahkanlah akan risalah ini dari awalnya sampai akhirnya. Maka saya lihat segalanya perkataan dusta. Tiada Imam Ghazali mengata akan dia dan tiada pula ulama' Islam menatapkan yang seperti itu, kerana ghalibnya kefur dengan Allah Ta'ala dan Rasul-Nya dan menyampaikan kepada jahannam yang berkekalan padanya. Kerana segalanya menyalahi Syari'at Nabi dan menjadikan bersuatu Tuhan dengan hamba-Nya, dan tiada ia daripada kalam Imam Ghazali, dan tiada pula daripada perkataan orang alim, tetapi ia daripada perbuatan orang jahil yang telah melihat ia akan perkataan ahli *wahdat al-wujud*.⁵³

2. Para wali (Wali songo) menentang dan menjatuhkan hukuman bunuh ke atas Syekh Siti Jenar yang berkata, "Tuhan adalah saya dan saya adalah Tuhan. Tuhan dan Muhammad adalah satu, Muhammad adalah Nur.

⁵³ شيخ أحمد خطيب بن عبد اللطيف المنكاباوي، الشمس الالعة في رد أهل السبعة، مكة: مطبعة الميرية، ١٣٣١، ص ٢-٣

Sembahyang tidak perlu ruku', sujud, tetapi cukup sembahyang dengan hati mengingat Allah".⁵⁴

3. Sayyed 'Alwil Tahir al-Haddad Mufti Negeri Johor telah mengeluarkan fatwa di antara lain berbunyi: " Agama *wahdat al-wujud* telah ijma' oleh ulama' Islam atas bahawasanya adalah ia agama kufur, orang yang percaya kepadanya murtad (*wal 'ayadzu bi'Llah*), isterinya tertalak daripadanya, dapat anak anak haram zadah, dan hartanya kembali jadi hak baitul mal".⁵⁵

C. Yang Menutup dan mengunci

Dalam kitabnya عقيدة الناجين yang ditulis dalam tahun 1308 Hijrah Syaikh Zainul 'Abidin Fatani menguncikan *wahdat al-wujud* Martabat Tujuh ini dengan mengatakan bahawa "tiada wajib belajar Martabat Tujuh kerana tiada ada ahlinya pada masa sekarang ini. Maka sayugia ditinggalkan dia kerana sangat dalam mafhumnya. Maka pada batin tiada bersalahan tetapi tiada kita faham akan batinnya itu. Maka kita faham zahir jua maka jadi membawa kepada binasa. Kerana beberapa kitab orang yang dahulu-dahulu ditinggalkan kerana tiada ahlinya yang mengajar akan dia dan menghuraikan ma'nanya di dalam tanah Arab seperti Makkah dan Madinah, istimewa pula tanah Jawi. Sebab ilmu itu sudah mati."⁵⁶ "Martabat Tujuh maka iaitu tiada bagi ahlinya pada zaman ini di Tanah Arab, istimiwa pula di tanah Jawi. Maka janganlah hampir akan dia kerana ia *daqiq-daqiq* ya'ni halus bicaranya".⁵⁷

Dzauq sufi atau falsafah?

Terhadap *wahdat al-wujud* dan/atau Martabat Tujuh ini ramai yang menyambut baik, ada yang menentang, dan ada pula yang mneguncinya. Barangkali, pokok pangkal perselisihan di sini ialah pada hakikat *wahdat al-wujud* dan/atau Martabat Tujuh itu sendiri adakah semata-mata perkara **dzauq aulia' sufi** yang dicuri oleh orang awam lalu mengatakannya? Atau sebenarnya hakikat *wahdat al-wujud* dan/atau

⁵⁴ H.M. Asjwadie Sjukur Lc, IAIN Banjarmasin, 1978, *Ilmu Tasawwuf I*, Singapore: Al-Haramain Pte. Ltd., hlm. 77.

⁵⁵ Akhbar harian *Majlis*, Kuala Lumpur: 29 September 1948.

⁵⁶ شيخ زين العابدين الفطاني، عقيدة الناجين، القاهرة: عيسى البابي الحلبي، ت.ت. ص ٨٨

⁵⁷ كتاب شرح أصول التحقيق، ترجمان، تنفا نام، فولو فينغ: دار المعارف، ١٣٥٦، ص ٢٩

Martabat Tujuh itu adalah satu pemikiran **tasawuf falsafah?** Dalam kajian ini amat jelas bahawa ianya adalah falsafah. Ayat-ayat Qur'an dan hadith Nabi dipaksa menerima pemikiran falsafah *wahdat al-wujud* ini. **Dzauq sufi** adalah pengalaman peribadi, tidaklah munasabah ditulis dalam bentuk kitab untuk dibaca umum. Kerana perkara dzauq adalah pengalaman peribadi yang tidak boleh dipindahkahkan kepada orang lain. Kalau seorang lain ada pengalaman dzauqnya pula, di antara pengalaman dzauq dua orang ini tidak boleh tukar menukar. Tetapi lain pula sikap penyokong kumpulan A yang tersebut di atas. Pada pendapat saya, mereka adalah **failasuf tasawuf** atau sekurang-kurangnya penyokongnya yang tidak menganggap satu kesalahan **tasawuf falsafah** itu ditulis dan disebarikan kepada umum. Akibatnya timbullah ajaran sesat yang berasaskan pemikiran *wahdat al-wujud* + Bitiniyah. Contoh-contohnya seperti berikut:

4. Contoh-Contoh Ada Persamaan Ajaran Sesat Kebatinan **Wahdat al-Wujud** **Di Indonesia Dan Malaysia**

1. Siti Jenar.

Pada anggapan pengikutnya, Siti Jenar naik ke syurga sebelum dibunuh. Yang betulnya dia dibunuh oleh para wali dan tanah pengkebumiannya dirahsiakan. Pengikutnya menyebarkan ajaran Siti Jenar dengan sembunyi-sembunyi (gelanak-gelenek) lalu terkenal dengan nama Ilmu Klinik. Di antara ajaran Siti Jenar ialah bahawa:

- a. Syari'at Islam tidak perlu, yang perlu hanya hakikat.
- b. Tuhan adalah saya dan saya adalah Tuhan.
- c. Tuhan dan Muhammad adalah satu,
- d. Muhammad adalah Nur.
- e. Sembahyang tidak perlu ruku', sujud, tetapi cukup sembahyang dengan hati mengingat Allah.⁵⁸

Di Malaysia:

Gerakan yang menyebarkan seperti ajaran Siti Jenar ini antara lain berbunyi:

⁵⁸ H. M. Asjwadie Sjukur *Lc, Ilmu Tasawuf I*, Banjar Masin, 1978, Singapore: Alharamain Pte. Ltd, hlm.77.

- a. “Orang-orang syari’at yang buta hakikat bermata ikan kering”... Orang-orang syari’at itu bodoh unta tetapi tidak sedar diri mereka itu bodoh, unta”.
- b. “Lantas ditajallinya نور الله kemudiannya ditajalliNya pula نور محمد pada peringkat ini dinamakan martabat انا انت-انت انا
- c. “Carilah Allah Muhammad sampai dapat”.
- d. “Dan diri yang bernama الله itulah diri batin kepada diri manusia (rohaniah). Seperti firman Allah Taala dalam hadith Qudsi (sebenarnya bukan hadith – Penulis): الانسان سري وأنا سره Ertinya: Manusia itu adalah rahsia aku dan diri akulah yang menjadi rahsianya.
- e. Apa yang dimaksudkan dengan makhluk ialah نور محمد sebab seluruh kejadian alam maya ini adalah daripada نور محمد (kepercayaan bahawa kejadian alam dari nur Muhammad ini amat meluas di kalangan kaum sufi. Mereka berpegang dengan hadith palsu berbunyi: اول ما خلق الله نور نبيك يا جابر فخلق منه الاشياء وانت من تلك الاشياء -Penulis)
- f. Sembahyang tidak perlu ruku’ dan sujud tetapi berpada degan niat (ingat di hati sahaja). Salahuddaim (salat *daa’im*) ialah sebagai solat yang berkekalan tanpa putus-putus walaupun sesaat dalam hidup seseorang manusia itu iaitu penyaksian diri sendiri (diri batin {Allah} dan diri zahir {Muhammad}) pada setiap masa dan setiap ketika tanpa berhenti-henti walau sesaat dalam hidupnya.⁵⁹

2. Hamzah Fansuri Dan Saleek Buta

Wujud, Nur, Ilmu, Shuhud. Kata Hamzah Fansuri dalam *Syaraab al-Aasyiqqin* bab al-khamis *Fi Bayaan Tajalliyaat Dzāt al-Baari Ta’ala*: “Ketahuilah bahawa kuhni Dzāt Haqq Subhanahu wa Ta’ala ini dinamai Ahlu’l – Suluk *la ta’yun*. Maka dinamai *la ta’ayyun* (tiada nyata) kerana budi dan bicara, ilmu dan ma’rifat kita tiada lulus kepada-Nya... Adapun pertama ta’ayyun empat bahagi: ‘**Ilmu**, dan **Wujud**, dan **Shuhud**, dan **Nur**. Ya’ni yang keempat inilah bernama *ta’ayyun awal*, kerana daripada ‘Ilmu maka ‘Alim dan Ma’lum nyata; kerana Wujud maka Yang Mengadakan dan Yang Dijadikan nyata; kerana Shuhud maka Yang Melihat dan Yang Dilihat nyata; kerana Chaya maka Yang Menerangkan dan Yang Diterangkan nyata. Sekaliannya itu dari *ta’ayyun awal* juga;

⁵⁹ Ahmad Laksamana, *Hakikat Insan*, Kota Bharu 1985, tanpa nama pencetak atau penerbit, hlm. ii, vi, 8, 9, 188.

‘Ilmu dan Ma’lum, Awal dan Akhir, Zahir dan Batin beroleh nama. Adapun Ma’lum itulah yang dinamai Ahlu’l Suluk *a’yan thabitah*. Setengah menamai dia *suwarul ‘ilmiyah*, setengah menamai dia *haqiqatu’l –ashya’*, setengah menamai dia *ruh idhafi*. Sekalian ini dinamai *ta’yyun thani* hukumnya.⁶⁰

Di Malaysia

Segala contoh istilah yang tersebut di atas digunakan dengan meluasnya di Malaysia di sampaikan dengan cara Batiniyah:

لا - وجود ، اله - علم ، الا - نور ، الله - شهود (Sila lihat lampiran 1).
(Sumber manuskrip # 10)

Tanah itu daripada badan Muhammad

Air itu daripada cahaya Muhammad

Angin itu daripada nafas Muhammad

Api itu daripada nazir Muhammad, nazir Muhammad itu daripada Dzat Allah. Diri yang batin. Anasir empat yang batin:-

Wujud sewujud, **‘Ilmu** senyawa, **Nur** serasa, **Syuhud** serahsia. Erti:

Wujud itu Dzat-Nya

‘Ilmu itu sifat-Nya

Nur itu asma’Nya Tuhan

Syuhud itu af’al-Nya. (Sila lihat lampiran 2) (Sumber: manuskrip # 115).

Saleek buta: menjadikan dirinya alam semesta

Ekoran daripada ajaran Hamzah Fansuri dan Syamsuddin Sumatrani maka lahirnya Saleek Buta atau Pengembara Sesat di Acih dan gejala itu ada di Malaysia pada hari ini. Saleek buta:

- a. Saleek Buta menjadikan dirinya alam semesta, yaitu apa-apapun yang dijadikan Allah dalam tujuh petala langit dan bumi,
- b. Saleek Buta membagi sembahayang kepada empat macam, yaitu:
 - i. Sembahayang Ma’rifat,⁶¹
 - ii. Sembahayang Haqiqat,
 - iii. Sembahayang Thariqat,
 - iiii. Sembahayang Syari’at.

⁶⁰ Hamzah Fansuri, “Syaab al-‘Asyiqiin”, dalam *The Mysticism of Hamzah Fansuri*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1970, pp. 315-316.

⁶¹ Prof. A. Hasjmy, *Syi’ah Dan Ahlussunnah*, Surabaya: Bina Ilmu, 1983, hlm. 69.

Di Malaysia:

a. Di antara kata-kata dalam meditasi berbunyi, “Aku ialah satu dengan alam ... satu dengan alam. Alam ialah segala yang ada. Aku ialah satu dengan segala-gala yang ada”. Alam semesta terbahagi kepada alam kecil (*عالم صغير*) dan alam kabir (*عالم كبير*). Keduanya datang dari *The Absolute* atau *Mutlaq* atau Tuhan lalu terpecah kepada *macrocosm* (*عالم كبير*) dan *microcosm* (*عالم صغير*). Apa yang ada dalam alam *macrocosm* semuanya ada terkandung dalam *microcosm* Kemudian kesemuanya kembali semula kepada *The Absolute* atau Tuhan.⁶²

Di kalangan orang bersufi-sufi di Malaysia membagi sembahayang kepada tiga:

- i. Sembahayang Syari’at,
- ii. Sembahayang Tariqat,
- iii. Sembahayang Haqiqat.

“Sembahayang Syari’at itu telah masyhurlah ia”.

“Sembahayang Tariqat itu muhasabah...”

“Sembahayang Haqiqat itu musa’adah iaitu kau pandang kepada hak wujud Ta’ala senentiasa kepada segala wujud ini. Maka pandang olehmu segala maujud ini iaitu *dzill* (bayangan bagi) *a’yan thabitah*, dan *a’yan thabitah* itu pula *dzill* (bayangan bagi) Dzat Allah ... maka tiada jatuh tilik pindah pandangmu itu melainkan akan wujud Haq Ta’ala jua”. “ Qiblat sembahayang Syari’at itu Ka’bah, qiblat sembahayang haqiqat itu hati, dan qiblat sembahayang haqiqat itu Haq Ta’ala”. “Maka qiblat sembahayang haqiqat itu tiada berpehak lagi terlebih hampir kepada orang yang sembahayang. Seperti firman Allah Ta’ala *فاينما تولوا فثم وجه الله* Maka barang kemana behadap muka kamu di sanalah Dzat Allah. Maka sebab itu sembahayang haqiqat tiada bermasa, seperti firman Allah *على صلاتهم دائمون* Atas sembahayang mereka itu berkekalan tiada berkeputusan.”⁶³

Penerapan *wahdat al-wujud* amat jelas dalam Sembahayang Haqiqat ini.

3. Raden Ngabehi Ranggowarsito

Raden Ngabehi Ranggowarsito (1803-1875) seorang pujangga dalam Krataon menghasilkan banyak penulisan. Beliau terpengaruh dengan *wahdat al-wujud* Hamzah Fansuri dan Martabat Tujuh. Menurut Raden

⁶² محمد عارفين بن عبد الغني، علمو فلسفه اوكل فيكتيكل، كوت بهارو: الكمالية فريس، ت.ت. هلامن ٣٧ دان ٢٢٢-٢٣٣

⁶³ محمد طيب البنجاري، رسالة أسرار الدين دتقي كتاب مفتاح الجنة، دار الطباعة الاسلامية، سنقافورا، ت.ت. ص ٦-٩

Ngabehi Ranggowarsito Wujud itu ada tujuh martabat, namun hakikatnya satu jua:

- i. Ahadiyah; hakikat sejati diri Allah,
- ii. Wahdah, hakikat diri Muhammad,
- iii. Wahidiyah, hakikat Adam,
- iv. Alam Arwah, hakikat nyawa,
- v. Alam Mitahl, hakikat dari segala bentuk,
- vi. Alam Ajsam, hakikat tubuh,
- vii. Alam Insan, hakikat manusia. Dan semuanya ini berkumpul (wahdah) ke dalam Yang Satu, itulah Ahadiyah, itulah Allah, dan itulah Aku.

Raden Ngabehi Ranggowarsito menganut ilmu ini yang kadang-kadang digelar juga ilmu laduni. Ilmu ini penting sekali buat pakaian raja-raja. Raja-raja tidak usah menjalankan syari'at atau sarengat, tidak usah sembahyang ke masjid, tidak perlu ibadat lain-lain. Harus dicari "ngelmu" yang sesuai dengan kebesaran raja. Maka Raden Ngabehi Ranggowarsito berhasil mengeluarkan buku *Hidayat Jati*. Di antara isinya ialah ajaran bagaimana melakukan Penekung. Hasil dari Penekung ini biasanya yang sudah-sudah ada mangunah (*Ma'uhah*, pertolongan dari Allah) yang datang dari badan kita... Termasuk melakukan Penekung ini ialah mengatur keluar masuknya **nafas, anfas, tanaffas, nufus** jangan sampai bercampur menjadi satu. Ilmu Penekung ini nyata sekali di ambil daripada salah satu Ilmu Tariqat. Di dalam Naqsyabandi dinamai *tawajjuh*, mengatur nafas.⁶⁴

Mengenai penggunaan **nafas, anfas, tanaffas, nufus** ini antara lain, kata Ranggawarsita, "**nafas, anfas, tanaffas, nufus** terkumpul di dalam *Baitul Makmur* (kepala), dicipta kembali menjadi nukat ghaib."⁶⁵

Di Malaysia:

Pengaruh Raden Ngabehi Ranggowarsito (atau warsita) amat kuat. Ini dapat dilihat daripada istilah-istilah beliau seperti **nafas, anfas, tanaffas, nufus; dan mani, madi, wadi, manikem** digunakan dengan meluas

⁶⁴ HAMKA, *Perkembangan Kebatinan di Indonesia*, Djakarta: Bulan Bintang, 1971, hlm. 37-40.

⁶⁵ Keterangan penuh sila lihat Simuh, *Mistik Islam Kejawen*, Penerbit Universitas Indonesia, 1988, hlm. 351.

dikalangan pengamal ajaran kebatinan yang dikesani dari lebih dari rastusan manuskrip mereka. Conoth mengenai amalan **nafas, anfas, tanaffas, nufus**, sila lihat lampiran 3, 4, 5, 6, 7, dan 8. (Sumber: manuskrip # 10).

3 Contoh Batiniyah / *Wahdat al-Wujud* - Batiniyah Di Malaysia

Imam Ghazali adalah salah seorang yang menentang puak Isma'iliyah Batiniyah. Ghazali tidak berjaya menghapuskan mereka tetapi sekadar meniggalkan buku polemiknya dengan puak Isma'iliyah yang amat bernilai untuk menjadi rujukan kita. Semua buku-buku polemik Ghazali menentang Batiniyah Isma'iliyah adalah dalam bentuk "Batiniyah" semata-mata, tidak bercampur dengan tasawuf *wahdat al-wujud*. Siapakah yang mula mencampurkan *wahdat al-wujud* dengan Batiniyah ini? Masih belum ada jawaban bagi saya. Tetapi amat jelas bahawa Batiniyah di Malaysia ini terbatas kepada mentality orang-orang tiada berpendidikan Agama secara formal di negara ini sahaja memandangkan ta'wilan ke atas kalimah-kalimah yang amat terbatas iaitu **اسلام، قلبي، ايمان، لا اله الا الله، الله، محمد، ادم، الحمد، الله اكبر، أه، حوى، الحمد لله رب العالمين، قل هو الله أحد، الله الصمد، لم يلد ولم يولد،** Kalimah-kalimah ini memang amat dikenali oleh orang awam di negeri ini. Contoh ta'wilan daripada kalimah **الله، دان سورة فاتحة** sahaja dibentangkan dalam kertas ini.

Cara mengenal Batiniyah dalam kajian ini ialah mereka bermain dengan huruf-huruf daripada kalimah-kalimah tersebut. Maka ini amat jelas sekali ada persamaan dengan mainan dan tipudaya Batiniyah seperti yang digambarkan oleh Ghazali dan al-Baghdadi. Sila lihat kitab mereka.⁶⁶

1. Allah ada dalam diri

Menyerapkan *wahdat al-wujud* **Allah ada dalam diri** dengan menggunakan kalimah kalimah :

⁶⁶ البغدادي التميمي، الفرق بين الفرق، مصر: مكتبة صبيح، ت.ت. ص ٣٠٥
الغزالي، فضائح الباطنية، الباب الخامس، الفصل الثاني

1.1. Manusia itu **محت** = **م** kepala manusia, **ح** bahu manusia, **ء** pusat manusia, dan **د** kaki manusia, = **محمد** bukan Muhammad Rasulullah s.a.w. kerana bagi Batiniyah, Muhammad itu sudah mati dan Syari'atnya untuk orang-orang Arab dalam zamannya sahaja. Sekarang Muhammad itu tiada lagi. Tetapi kita manusia itulah Muhammad kerana manusia itu **محت** **م** kepala manusia, **ح** bahu manusia, **ء** pusat manusia, dan **د** kaki manusia, = **محمد** (Sila lihat lampiran 9). (sumber: manuskrip # 10).

1.2. **Allah ada dalam Muhammad dengan berdalilkan **الم****
 / Allah, **د** dalam, **م** Muhammad, = **ادم** ertinya Allah Dalam Muhammad. (Muhammad itu manusia, maka Allah ada dalam manusia). (Sila lihat lampiran 10) (sumber: manuskrip # 10).

1.3 Huruf **Allah + Muhammad bertindih** Asal perkataan **الله محمد** adalah lapan huruf tetapi di sini menjadi tujuh huruf, kerana *ha'* pada kalimah Allah bercantum dengan *mim* pada kalimah Muhammad, maka menjadi tujuh huruf, **د م ح م ل ه م ا ل** melambangkan Martabat Tujuh iaitu Ahdah (Ahadiyah), Wahadah, Wahdiyah (Wahidiyah), Alam Mitahl, Alam Ajsan (Ajsam) , Alam Insan) (Sila lihat lampiran 11), (sumber: manuskrip # 10).

Kesimpulan: Manusia itu pada zahirnya Muhammad dan pada batin atau rohaninya Allah. Selayang pandang seperti kerja orang tidak siuman. Tetapi inilah ajaran *wahdat al-wujud* yang mengatakan “batin alam semesta ini Allah, dan zahir Allah ialah alam semesta. Alam semesta digelar alam kabir, dan manusia digelar alam saghir. Maka zahir Allah ialah Muhammad atau manusia dan batin manusia ialah Allah”.

2. Dalam perkara 1 di atas, mereka memuatkan Allah dalam diri manusia. Mereka juga tidak perlu baca surah **al-Faatihah** kerana **al-Faatihah** ini sudah ada dalam **tubuh insan**:

الحمد	jasad kepada kita
الله	hati kepada kita
رب	jiwa kepada kita
العلمين	rahsia kepada kita
الرحمن	nur kepada kita
الرحيم	kulit kepada kita
مالك	diri kepada kita
يوم الدين	urat kepada kita

اياك	daging kepada kita
نعبد	kepada kita
واياك	otak kepada kita
نستعين	perut kepada kita
اهدنا	nafas kepada kita
الصراط	pandangan kepada kita
المستقيم	penglihatan kepada kita
صراط	pendengaran kepada kita
الذين	limpa kepada kita
أنعمت	punggung kepada kita
عليهم	mempedu kepada kita
غير	jantung kepada kita
المغضوب عليهم	tulang kepada kita
ولا الضالين	permintaan kepada kita
امين --- ختم النبوة ورسوله	

(Sila lihat lampiran 12) (sumber: manuskrip # 156).

3. Dalam diri dan tubuh manusia juga ada mengandungi “**Ujudullah itu hakikat zat bernama Ahadih**”, dan ada mengandungi **بسم الله الرحمن الرحيم Martabat Tujuh, Sifat Ma’ani yang tujuh itu**. Di dalam **BISMILLAH** antara lain, ada mengandungi **Ahadiyah**, alam jabarut, alam malakut; di dalam **HIRRAHMAN**, antara lain, mengandungi, **Wahdah**, Hayun, Alimun, Qadirun, Muridun, Semeun, Basirun, Mutakallimun; **NIRRAHIM** di dalamnya, antara lain, mengandungi **Alam Roh, Alam Mithal, Alam Insan, Alam Ajsam**.

(Sila lihat lampiran 13), (sumber: manuskrip # 8).

Penutup

1. Saya angkat tabeklah kepada mereka yang merestui, menyokong, atau menyebarkan ajaran *wahdat al-wujud* / Martabat Tujuh / ajaran ibn-‘Arabi dan pengikut-pengikutnaya. Di antara mereka di Nusantara ialah seperti Siti Jenar, Hamzah Fansuri, Shamsuddin Sumatrani, al-Raniri, Muhammad bin Fadhlullah Burhanfuri, Abdul Samad al-Falimbani, Muhammad Nafis al-Banjari, Syaikh Daud al-Fatani, Muhammad Taib al-Banjari, Raden Ranggawarsita dan lain-lain. Ditambah lagi dengan penulis-penulis baru dan ini termasuklah buku-buku dalam bahasa Ingeris dan Urdu yang tidak disebut namanya di sini. Saya angkat tabek kerana andainya mereka tidak merestui, menyokong, atau menyebarkan ajaran *wahdat al-wujud* /


Martabat Tujuh / ajaran ibn-‘Arabi dan pengikut-pengikutnaya, Batiniyah tidak dapat datang menyusup melalui *wahdat al-wujud* / Martabat Tujuh seperti yang ada sekarang.

2. Secara otomatis apabila *wahdat al-wujudiyah* + Batiniyah ini bersarang dalam diri manusia, perkara halal dan haram, dosa dan pahla, buruk dan baik, iman dan kufur, syurga dan neraka, sudah tidak wujud lagi, kerana Allah ialah segala-gala. Nilai-nilai moral tersebut adalah perhitungan hamba manusia. Jika “segala-galanya Allah belaka”, tiada di manalah letaknya nilai-nilai itu.

3. Ternyata bahawa *wahdat al-wujud* (membawa kepada i’tiqad alam semesta ini hanyalah khayalan dan bayangan Allah belaka pada hakikatnya tiada berwujud, yang wujud hanyalah Allah sahaja) adalah satu falsafah dan tiada dalil Syar’ie. Ini adalah bercanggah dengan penemuan sains yang terkini yang mengatakan bahawa alam semesta ini berumur di sekitar 14 bilion tahun. Sebelum itu alam semesta (*universe*) ini tidak ada. Menurut Qur’an dan Sunnah yang sahih juga alam ini adalah hadith ertinya ada permulaan. Allah sahaja Yang Maha Qadim wujud-Nya tanpa permulaan. Jadi, sains dengan Qur’an – Sunnah ada harmoni. Tetapi *wahdat al-wujud* amat terasing dan janggal sekali: Martabat Tujuh yang mengatakan Ahadiyah, Wahdah, dan Wahidiyah adalah aspek batin Allah; manakala Alam Arwah, Alam Mithal, Alam Ajsam, dan Alam Insan adalah aspek zahir-Nya adalah terkeluar dari batasan Qur’an dan Sunnah serta pemikiran sains. Martabat Tujuh ini adalah ringkasan daripada Martabat Empat Puluh Al-Jili. Jika diperhatikan isi susunan Martabat Empat Puluh al-Jili ini, didapati ianya menjurus kepada pemikiran *geocentric* (dunia ini pusat alam semesta) bukan *heliocentric* atau *solar system* seperti yang difaham dalam zaman kita ini. Ini bererti bahawa Martabat Tujuh (dari Martabat Empat Puluh) adalah teori kono yang sudah ketinggalan zaman. Dalam zaman penemuan sains teknologi sekarang yang serba canggih yang menjadikan kebanyakan urusan hidup kita sehari-hari adalah begitu mudah, cepat, dekat, dan tepat, maka patutlah Martabat Tujuh ini disimpan sahaja dalam khazanah barang-barang lama.

وصلى الله على محمد وعلى آله وصحبه وسلم والحمد لله رب العالمين.

Lampiran 1



Lampiran 2

11. تانه ایت درخرد بدان مجدد.
12. ابر ایت = چهیا مجدد.
13. اثنین ایت = نفس مجدد.
14. اثنی ایت = خاطر مجدد ، خاطر مجدد ایت درخرد ذات الله.

دیری بیخ باطلین

عناهد امفۀ بیخ باطلین :-


وجود علم نور شهود
سأوجود سیاوا ، سراسا ، سهرهسیا

ارنی :-

وجود ایت ذات
علم = صفین
نور = اسمائ ، توھن
شهود = افعلن


ذات ایت جادی رهسیا کتد کیت .
صفه = پاوا کتد کیت .
اسماء = هاتی کتد کیت .
افعل = توبه کتد کیت .

Lampiran 3




Pandangan sisi kepala manusia

Pandangan belakang kepala manusia




Pandangan Jantung Manusia

Lampiran 4




Kaitan hidup Nafas, Ampas, Tanapas dan Nupus.


Lampiran 5



Lampiran 6




Rajah Zikir Nafas, Ampas, Tanapas dan Nupus.



Gambarajah Isyarat Gerakan Zikir

هو الله

Lampiran 8




Rajah Gerakan Zikir


الله هو

Lampiran 9

Gambarajah menunjukkan manusia berbangsa Muhammad.



Lampiran 10



Maknanya:—

Allah itu berdalilkan Muhammad di mana Allah itu dikandung oleh Muhammad (محمد). Tiada nyata Allah, tanpa zahirnya Muhammad. Sesungguhnya, Muhammad itulah penyata bagi diri Allah.

Lampiran 11


Gabungan di antara

الله + محمد




Diri manusia

(Rohani + Jasmani)



Lampiran 12

الفتاحیه دالیم توبوع انسان



Lampiran 13

UJUDULLAH

FIRMAN ALLAH:

"Kuntum minnallah"
 (Maksud: Kamu adalah dpd. Allah)
 "Allah berserta kamu dimana
 jua kamu berada" Al-hadid-4
 "Dan kami lebih hampir kepada
 manusia dari dua urat leherya"
 Surah Gaaf - 16.
 "Allah tiada dapat dilihat dengan
 mata tetapi dia yang melihatnya."
 Surah Al-An-Am - 103.
 "Tidaklah mereka memikirkan apa
 yang ada dalam badannya sendiri"
 Surah-Ar-Rum - 8

FIRMAN ALLAH:

"Allah meliputi mereka semuanya"
 Surah Al-Buruj - 20.
 "Tuhan menunjukkan contoh
 bagimu pada dirimu sendiri"
 Surah Al-Rum - 28.

SABDA RASULLAH S.A.W.:

"Aku daripada Allah dan orang2
 mukmin daripada aku."
 "Semua benda itu dari nur aku."
 "Barang siapa mengenal dirinya,
 maka ia mengenal Tuhannya."

